

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI SELASA : 17 DISEMBER 2019

NO SOALAN: 1

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perancangan Kementerian bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi negara.

NO SOALAN: 1

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka mengenai keadaan semasa ekonomi negara yang mudah terkesan dengan situasi ekonomi dunia yang tidak menentu. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.6% sehingga suku ketiga 2019 dipacu oleh permintaan dalam negeri. Sebagai sebuah negara kecil yang mengamalkan ekonomi terbuka dengan jumlah dagangan melebihi 130% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK), prospek ekonomi negara berhadapan dengan cabaran pertumbuhan yang lebih perlahan. Gangguan terhadap rantaian bekalan global yang berpunca daripada konflik perdagangan yang berpanjangan antara ekonomi utama dunia, ketegangan geopolitik, kelembapan pasaran elektronik serta ketidaktentuan dalam pasaran kewangan dan komoditi global dijangka mempengaruhi momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia.
2. Justeru, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus mampan. Ekonomi negara mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani secara menyeluruh, antaranya sumber pertumbuhan yang masih bergantung kepada faktor pengeluaran tradisional seperti modal serta buruh dan bukannya peningkatan produktiviti.

NO SOALAN: 1

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan pada masa ini terus memberi penekanan untuk meningkatkan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang mampan dan bersifat inklusif. Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, Kerajaan juga melaksana inisiatif pendigitalan dan penerimgunaan teknologi secara lebih meluas terutamanya dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
4. Kerajaan juga sedang memberi tumpuan khusus ke arah menarik pelaburan yang berkualiti dalam sektor strategik yang akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, langkah juga diambil untuk mempergiat aktiviti ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi dan mempunyai potensi untuk berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi.
5. Bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam tempoh 10 tahun akan datang, Kerajaan melalui Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang dilancarkan pada 5 Oktober 2019 telah mengenal pasti 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang berpotensi untuk dibangunkan. Antaranya termasuk Komoditi Malaysia 2.0, Pertanian Pintar dan Bernilai Tinggi, Hub Kewangan Islam 2.0, dan serta Industri Kandungan Animasi dan Digitalisasi serta Pembuatan, Pembekalan dan Perkhidmatan Berkaitan Revolusi Perindustrian 4.0.

NO SOALAN: 1

6. Di samping itu, bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan tidak bertumpu kepada sesuatu wilayah sahaja, pembangunan akan dibawa ke seluruh negara terutamanya negeri yang kurang membangun. Kerajaan akan melaksanakan pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hot spots*, di setiap negeri. Usaha ini bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan.

7. Kerajaan yakin melalui strategi Belanjawan 2020 dan pelaksanaan WKB yang akan diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Ketiga Belas, ekonomi negara akan dapat dipertingkatkan dengan lebih cepat, mampan dan inklusif bagi membolehkan seluruh rakyat Malaysia mengecapi satu tahap kehidupan yang wajar pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN MUSTAFA
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah cadangan dan langkah-langkah Kerajaan dalam menggalakkan institusi dan agensi swasta untuk mewujudkan TASKA di tempat kerja sebagaimana yang terlaksana di jabatan dan agensi-agensi Kerajaan sekarang ini; dan
- (b) apakah jawatankuasa mengkaji masalah melibatkan tempat asuhan secara menyeluruh dengan kerjasama pelbagai Kementerian sudah diwujudkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui peruntukan Belanjawan 2019 yang diumumkan pada 2 November 2018 telah berjaya menyediakan **66** Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) baharu di bangunan Kerajaan dengan peruntukan RM10 juta berbanding sasaran awal 50 TASKA manakala Belanjawan 2020 yang telah diumumkan pada 11 Oktober 2019, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi TASKA terutamanya di hospital dan sekolah. Selain itu, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai insentif dalam usaha menggalakkan penubuhan TASKA seperti:

- i. Mengadakan program galakan pendaftaran TASKA melalui pemberian diskaun bil elektrik Tenaga Nasional Berhad mulai 1 November 2019 bagi mengurangkan kos operasi TASKA **(565 buah TASKA telah diluluskan diskaun 20% TNB sehingga 30 November 2019)**;
- ii. Mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Tenaga, Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Sarawak Energy Berhad bagi memperluaskan program ini ke Sabah dan Sarawak **(hasil perbincangan tersebut, Sabah Electricity Sdn. Bhd. tidak mempertimbangkan permohonan manakala Sarawak Energy Berhad masih dalam pertimbangan)**;
- iii. Insentif potongan cukai dua kali kepada majikan swasta yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan TASKA;

NO SOALAN: 2

- iv. Pemberian elaun bangunan industri 10% kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan TASKA membuat pengubahsuaian, penyenggaraan dan pemilikan bangunan; dan
- v. Pengecualian cukai 5 tahun kepada pengusaha TASKA, tanpa mengira pemilik atau penyewa bangunan bermula tahun taksiran 2017 (P.U. (A) 3/2013 dan Akta Cukai Pendapatan 1967).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyelaraskan perkara-perkara berhubung bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak melalui dua Jawatankuasa, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi Mengawal selia Secara Bersepadu Penubuhan dan Operasi Industri Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia dan Mesyuarat Task Force Ramping Up The Early Childhood Care and Education Industry yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pemain industri bagi tujuan mengkaji dan menyelesaikan isu-isu semasa dalam industri secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 3

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia sejak krisis di sana berlaku sehingga kini dan jumlah mereka yang memohon dan diluluskan permohonan bagi program Malaysia My Second Home (MM2H).

NO SOALAN: 3

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod oleh Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 345 orang, seramai 458 orang pada tahun 2018 dan seramai 242 orang pada tahun 2019 iaitu dari 1 Januari sehingga 31 Ogos 2019. Melalui trend statistik yang dicatatkan tersebut, tiada peningkatan yang ketara bagi jumlah kemasukan warganegara Hong Kong ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Malaysia *My Second Home* (MM2H) merupakan program inap jangka panjang di bawah inisiatif Kerajaan Malaysia bagi menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang berkelayakan untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih besar di Malaysia. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) memaklumkan bahawa melalui Program MM2H, sejumlah 1,265 permohonan daripada warganegara Hong Kong telah diluluskan untuk menyertai program tersebut sejak tahun 2002 sehingga 30 Jun 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai 44 orang warganegara Hong Kong telah berjaya menyertai Program MM2H.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah cabaran pelaksanaan Akta Perihal Dagangan berkaitan halal dan bilakah jangkaan ia akan dikuatkuasakan di Malaysia.

NO SOALAN: 4

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian komited untuk menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011 berkaitan halal. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam usaha untuk mencapai matlamat bagi meningkatkan etika peniaga dan melindungi pengguna berkaitan isu halal.

Antara cabaran-cabaran dalam menguatkuasakan perundangan berkaitan halal adalah seperti berikut:

1. Menangani dan menyelesaikan isu-isu tular di media sosial terutama yang menyentuh soal halal dengan pantas dan efektif, yang mana adakalanya isu yang ditularkan tersebut didapati adalah tidak benar;
2. Menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011 dan 11 Akta yang lain dengan keanggotaan pegawai Kementerian seramai 2,254 orang di seluruh negara; dan
3. Memastikan setiap tindakan penguatkuasaan berkaitan isu halal dijalankan dengan penuh berwaspada bagi menjaga sensitiviti dan keharmonian semua kaum.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan peratusan penggunaan bajet dari belanjawan 2019 setiap Kementerian pada akhir September 2019. Jika ada kelewatan dalam pelaksanaan oleh sesetengah Kementerian, apakah tindakan Kementerian Kewangan supaya perkara ini tidak berulang dalam tahun belanjawan seterusnya.

NO SOALAN: 5

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 30 September 2019, prestasi perbelanjaan keseluruhan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM217.6 bilion iaitu 69.1 peratus daripada jumlah yang telah diluluskan dalam Buku Anggaran Belanjawan 2019 sebanyak RM314.5 bilion. Prestasi ini adalah selari dengan perancangan Kerajaan bagi tahun 2019.

Bagi memastikan tiada kelewatan dalam pelaksanaan perancangan oleh kementerian, MOF sentiasa memantau prestasi perbelanjaan dan mengambil langkah-langkah tertentu antaranya memastikan Kementerian/Jabatan/ Agensi mengemukakan laporan prestasi berdasarkan kerangka keberhasilan termasuk unjuran tunai secara suku tahunan kepada MOF selaras dengan Pekeliling P.B 1.2. MOF juga mengadakan sesi libat urus dari semasa ke semasa untuk membantu menjayakan pelaksanaan di peringkat Kementerian/Jabatan/ Agensi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pengusaha penangkapan ikan atau nelayan laut dalam sehingga November 2019 dan apakah usaha yang dilakukan oleh LKIM bagi memastikan bekalan ikan-ikan rakyat mencukupi bagi pasaran tempatan pada 2020 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, jumlah pendaratan perikanan laut dalam dianggarkan sebanyak 260.14 ribu tan metrik dengan nilai berjumlah RM1.47 bilion. Jumlah tersebut adalah kira-kira 17.94% daripada jumlah keseluruhan pendaratan perikanan marin, iaitu 1.45 juta tan metrik pada tahun 2018.
2. Sehingga November 2019, jumlah pengusaha penangkapan ikan laut dalam yang aktif adalah sebanyak 652 pengusaha dengan jumlah vesel sebanyak 1,073 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 216 adalah pemilikan secara syarikat dan 436 adalah pemilikan secara individu.
3. Langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam memastikan bekalan ikan rakyat mencukupi bagi pasaran tempatan pada 2020 hingga 2023 adalah seperti berikut:
 - i. Menyediakan 165 tan metrik stok penimbal ikan sejuk beku setiap masa untuk memastikan bekalan ikan mencukupi dan menstabilkan harga di pasaran.
 - ii. Melaksanakan sekatan eksport bagi Ikan Kembung, Ikan Selar, Ikan Selayang/Sardin, Ikan Pelaling, Ikan Pari, Ikan Cencaru dan Ikan Aya/Tongkol semasa musim perayaan dan tengkujuh.

NO SOALAN: 6

- iii. Menambah sebanyak 2 buah Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC) air tawar di Batu Pahat dan Kuala Nerus serta 2 buah CCDC ikan marin di Dungun dan Pengerang. Sehingga kini, terdapat 25 buah CCDC air tawar dan 27 buah CCDC ikan marin sedia ada yang berperanan sebagai pusat sehenti bagi pemasaran ikan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 7

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah cabang yang perlu dipertingkatkan bagi menaikkan kualiti industri filem di negara kita yang dilihat semakin lama semakin kurang mendapat sambutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian melalui FINAS, sentiasa memberikan sokongan kepada penerbitan filem-filem tempatan bagi penghasilan karya-karya yang berkualiti. Antara bantuan dan sokongan yang telah disediakan ialah seperti Insentif Tayangan Filem Cereka, Skim Wajib Tayang, Insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (FIMI), Dana Pembangunan Pemasaran (DPP) dan Dana Kandungan Digital (DKD). Manakala dari segi pemasaran, FINAS telah bertindak sebagai fasilitator kepada penerbit filem-filem tempatan untuk membuka ruang dan peluang menembusi pasaran antarabangsa melalui penyertaan di pasaran-pasaran filem seperti MIPCOM Cannes, Hong Kong Filmart, European Film Market, Marche Du Film Cannes, American Film Market dan ATF Singapore. Bagi tahun 2018 sebanyak RM109.81 juta hasil jualan eskport kandungan kreatif tempatan telah diperolehi.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator jua, pencapaian industri filem tempatan amat memberangsangkan jika diukur melalui tiga (3) indikator seperti berikut:-
 - i) **Pertama:** Pencapaian filem *box office* tempatan di pawagam tempatan bagi tahun 2018 - 2019 telah menunjukkan perkembangan positif dimana kutipan kasar filem tempatan di pawagam pada tahun 2018 telah melonjak kepada RM170.40 juta

NO SOALAN: 7

iaitu kenaikan sebanyak 194% berbanding RM57.92 juta kutipan pada tahun 2017. Kenaikan ini didorong dengan jumlah penonton yang meningkat kepada 13.21 juta penonton berbanding 4.55 juta orang penonton pada tahun 2017. Antara filem-filem yang berjaya bagi tahun 2018 yang mendapat kutipan tertinggi melalui Skim Wajib Tayang FINAS seperti filem Munafik 2 dengan kutipan tertinggi sebanyak RM37.74 juta diikuti dengan filem Hantu Kak Limah dengan kutipan kasar sebanyak RM36.23 juta dan filem Paskal The Movie yang tidak melalui Skim Wajib Tayang telah mendapat kutipan kasar sebanyak RM28.98 juta. Manakala bagi tahun 2019 sebanyak RM93.8 juta kutipan kasar filem tempatan telah diperolehi di pawagam tempatan sehingga bulan November 2019. Antara filem yang menyumbang kepada kutipan tertinggi di bawah Skim Wajib Tayang FINAS adalah seperti filem Upin Ipin: Keris Siamang Tunggal dan filem Boboiboy The Movie 2 masing-masing sebanyak RM26.2 juta dan RM29.57 juta kutipan kasar di pawagam tempatan. Terbaru filem Ejen Ali sehingga 15 Disember lalu mencapai kutipan kasar RM23.6 juta.

- ii) **Kedua:** Filem-filem tempatan bukan sahaja diterima di peringkat tempatan malah mampu untuk menembusi ke peringkat antarabangsa. Antara filem-filem tempatan yang menembusi festival filem antarabangsa adalah seperti Filem Redha, Shuttle Life, Sughamaai Subbulaksmi, Fly By Night, One Two Jaga bagi kategori filem cereka, Mudhal Padayal, Ninavau, Thiruvinnai, Thiruvinnai, Kampung Tapir, Highway bagi kategori filem pendek dan filem Upin Ipin : Keris Siamang Tunggal dan The Cliff House bagi kategori

NO SOALAN: 7

filem animasi. Antara festival-festival filem yang disertai adalah seperti Norway Tamil Film Festival, Busan International Short Film Festival, Vancouver Webfest, Asian Youth Indie Film Festival, Montreal International Film Festival Animation dan beberapa lagi.

- iii) **Ketiga:** Kecenderungan penerbit-penerbit kandungan tempatan untuk menghasilkan filem tempatan juga dapat diukur dengan peningkatan jumlah pengeluaran filem pelbagai format berdasarkan permohonan Sijil Perakuan Penggambaran (SPP) yang mana sebanyak 905 judul dengan nilai kos produksi sebanyak RM482.5 juta bagi tahun 2018 berbanding sebanyak 836 judul dengan kos produksi berjumlah RM383.5 juta bagi tahun 2017.

3. Bagi terus menyokong pembangunan industri filem dan kreatif tempatan Kementerian melalui FINAS berusaha untuk memperkasakan industri filem supaya terus mendapat sambutan melalui empat (4) komponen seperti berikut:-

- i) Memperkasa polisi dan perundangan merangkumi dasar Perfileman Negara (DFN) dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) dan peraturan-peraturan di bawahnya.
- ii) Permodalan dan insentif melalui galakan pengeluaran filem-filem tempatan.

NO SOALAN: 7

- iii) Pembangunan Modal Insan melalui latihan perfileman untuk karyawan professional dan karyawan muda.

- iv) Promosi dan pemasaran melalui strategi eksport kandungan kreatif di luar negara dan pelaburan dalam negara melalui insentif Penerbitan Filem Di Malaysia (*Film in Malaysia Incentive – FIMI*) yang turut memberikan peluang pekerjaan kepada tenaga kreatif tempatan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah keprihatinan Kerajaan terhadap hak-hak para pekerja daripada golongan wanita yang bekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) dan peraturan-peraturan di bawahnya memperuntukkan hak dan perlindungan kepada wanita yang bekerja seperti berikut ;

- i. Akta 265 telah memperuntukkan perlindungan cuti bersalin kepada semua pekerja wanita sebanyak 60 hari cuti bersalin bergaji secara berterusan. Tafsiran 'bersalin' juga telah dipinda kepada melahirkan anak yang berlaku selepas sekurang-kurangnya 22 minggu hamil bagi menggantikan tempoh 28 minggu sebelum ini. Faedah cuti bersalin ini juga terpakai sehingga anak kelima orang yang masih hidup.
- ii. Akta 265 juga memberi perlindungan kepada wanita di mana mereka tidak dibenarkan bekerja di antara pukul 10 malam hingga 5 pagi dalam mana-mana kegiatan perusahaan dan pertanian. Sekiranya mereka dikehendaki bekerja, peraturan menetapkan syarat yang ketat iaitu majikan mesti menyediakan pengangkutan percuma untuk menghantar pekerja wanita tersebut hingga ke rumah.
- iii. Majikan juga tidak dibenarkan menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja wanita semasa tempoh cuti bersalin kecuali atas alasan penutupan syarikat.

NO SOALAN: 8

- iv. Di bawah peruntukan Seksyen 35 Akta 265, pekerja wanita tidak dibenarkan untuk diambil bekerja dalam sebarang aktiviti kerja di bawah tanah.
 - v. Peruntukan khusus di Bahagian XVA mengenai Gangguan Seksual di tempat kerja.
 - vi. Melalui Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 di bawah Akta 265 bertujuan untuk memberi alternatif kepada sistem bekerja separuh masa, menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh dan menyediakan waktu kerja yang mesra pekerja (*flexible working hour*) terutamanya kepada wanita. Tiada sekatan ke atas majikan untuk melaksanakan pelbagai bentuk pekerjaan seperti bekerja dari rumah atau sistem waktu kerja anjal sekiranya terdapat suatu persetujuan di bawah satu kontrak perkhidmatan.
2. Kementerian melalui Talent Corporation mempromosikan kepada majikan melaksanakan *flexible working arrangement*, pelaksanaan program *Work-Life Practices (WLPs)* ke arah keseimbangan yang lebih baik antara integrasi kerja dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga, atau *family-friendly*. Salah satu daripada kategori *Work-Life Practices (WLPs)* adalah *Flexible Work Arrangements* yang merujuk kepada aturan kerja yang bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada pekerja seperti: tempat kerja, jadual bekerja, jumlah jam bekerja dan peranan kerja. Contohnya seperti Waktu Bekerja Berperingkat (*Staggered Hours*), Minggu Kerja Mampat (*Compressed Work Week*), Bekerja dari Rumah

NO SOALAN: 8

(Telecommuting), Pulang Awal daripada Masa Bekerja (*Leaving Early From Work*) dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang menaik taraf Klinik Kesihatan Pos Batau, Lipis seperti mana Hospital Orang Asli Gombak (HOAG) menjadi Klinik Daerah Orang Asli Lipis dan Cameron Highland supaya dapat dimanfaatkan oleh Masyarakat Orang Asli yang sangat ramai di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Klinik Kesihatan (KK) Pos Betau merupakan sebuah klinik kesihatan khusus untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan komprehensif untuk keperluan masyarakat orang asli di Daerah Lipis. Perkhidmatan yang disediakan adalah rawatan pesakit luar, kesihatan ibu dan kanak-kanak, perkhidmatan sokongan makmal perubatan dan farmasi. Di samping itu, kemudahan rumah transit juga disediakan untuk keluarga pesakit atau pengiring. Jumlah kedatangan pesakit adalah seramai 80 hingga 100 orang sehari.

KKM sedia maklum akan keperluan untuk menaik taraf kemudahan fasiliti kesihatan di Pos Betau sejajar dengan pertambahan penduduk setempat. Sehubungan itu, beberapa tindakan telah diambil seperti:

- a) Menyediakan Pusat Transit Pesakit & Keluarga yang mempunyai 2 Blok Transit:
 - i. 1 Blok mempunyai 16 katil dan 1 blok lagi memiliki 8 buah bilik keluarga
 - ii. Urusan makan minum dan kebajikan di pusat transit dikendalikan oleh pihak JAKOA Lipis. Pihak klinik turut membantu menjaga kebersihan pusat transit tersebut.

NO SOALAN: 9

- iii. Pusat ini digunakan untuk pesakit mengandung yang berisiko tinggi, pusat persinggahan pesakit yang baru discharge dari hospital dan kemudahan kepada anggota keluarga pesakit.

- b) menempatkan dua (2) orang pegawai perubatan secara tetap di Pos ini bagi kemudahan penduduk setempat;

- c) menyediakan kemudahan 'sick-bay' yang mempunyai empat (4) buah katil pesakit; dan

- d) menyediakan kemudahan ambulan dan kenderaan pacuan 4 roda.

Di samping itu, KK Betau turut menyediakan perkhidmatan klinik bergerak (Pasukan Bergerak Orang Asli, PBOA) yang masuk ke perkampungan Orang Asli di sekitar Pos Betau, Pos Lenjang, Pos Sinderut dan Pos Titom yang jauh di pedalaman untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduknya. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa menambah baik infrastruktur bangunan klinik, kuarters dan kemudahan-kemudahan lain di KK Pos Betau seiring dengan keperluan dari masa ke masa.

Walaupun jarak antara Pos Betau dengan Hospital Kuala Lipis adalah sejauh 75 km, namun kemudahan jalan bertar telah disediakan untuk kemudahan rakyat setempat.

NO SOALAN: 9

Setakat ini, KKM juga berpandangan bahawa perkhidmatan yang disediakan di KK Batau adalah mencukupi. Oleh yang demikian, Kementerian belum mempunyai sebarang perancangan untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Pos Batau sebagai pusat rujukan untuk masyarakat orang asli seperti Hospital Orang Asli Gombak.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dr. Yaakob bin Sapari minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membangunkan industri inap desa (homestay) dan agro pelancongan ke peringkat antarabangsa. Berapa ramai pelancong asing menggunakan kemudahan inap desa setiap tahun dari tahun 2008-2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara usaha-usaha Kementerian bagi membangunkan Program Pengalaman Homestay Malaysia dan mempromosikan Agropelancongan ke peringkat antarabangsa adalah melalui:

1. Kerjasama dengan agensi pelancongan berlesen bagi penyediaan pakej pelancongan Program Pengalaman Homestay Malaysia bagi pasaran antarabangsa dan domestik termasuk sasaran pelajar dalam dan luar negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020;
2. Menyediakan platform promosi yang melibatkan pengusaha homestay dan destinasi Agropelancongan melalui kempen pengiklanan dan promosi secara media elektronik di laman sesawang Tourism Malaysia serta di rangkaian pejabat Tourism Malaysia di luar negara dan termasuk saluran media sosial; dan
3. Memberikan kursus-kursus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha homestay seperti kursus berkaitan keusahawanan, kraftangan, hospitaliti dan bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris. Para pengusaha homestay juga turut dilatih di bawah Program Mesra Malaysia sebagai persediaan untuk menarik lebih ramai pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

NO SOALAN: 10

Pelancong asing yang telah menyertai dan terlibat dengan Program Pengalaman Homestay Malaysia bagi tempoh 2008 hingga 2018 adalah seperti berikut:

TAHUN	PELANCONG ASING (ORANG)
2008	23,117
2009	31,523
2010	49,126
2011	59,657
2012	65,835
2013	62,847
2014	71,034
2015	71,830
2016	57,178
2017	61,846
2018	82,322
JUMLAH	636,315

Industri Inap Desa (homestay) atau dikenali sebagai Program Pengalaman Homestay Malaysia adalah merupakan program di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang merupakan salah satu daripada produk pelancongan di Malaysia yang mendapat perhatian pelancong domestik dan antarabangsa. Agropelancongan adalah satu konsep pelancongan yang berkembang pesat kerana penglibatan pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong. Agensi utama yang membangunkan Agropelancongan ialah

NO SOALAN: 10

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sementara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya membantu dari aspek promosi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 11

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan menyediakan sebarang peruntukan dalam bajet 2020 bagi mengurangkan kadar kemalangan yang melibatkan penunggang motosikal melalui penyediaan lorong khas motosikal di lebuh raya dan jalan persekutuan.

NO SOALAN: 11

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan khas yang disediakan untuk membina lorong khas untuk motosikal di Jalan-jalan Persekutuan di dalam Belanjawan 2020. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kerja Raya mempunyai dasar untuk menyediakan *hard shoulders* atau bahu jalan berturap selebar 2 meter untuk digunakan oleh penunggang motosikal di Jalan-jalan Persekutuan yang berpiawai R5 dan ke atas termasuk lebuhraya. Dengan adanya bahu jalan berturap ini, penunggang motosikal dapat menggunakan jalan tersebut dengan lebih selesa dan selamat dan sekali gus mengurangkan kadar kemalangan yang membabitkan penunggang motosikal.

Disamping itu, pihak Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta setahun untuk tahun 2019 dan tahun 2020 kepada Kementerian Kerja Raya bagi kerja-kerja di bawah program menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya yang merupakan program dilaksanakan sejak tahun 2009. Skop kerja di bawah program ini merangkumi kerja-kerja rawatan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan seperti meletakkan garisan di permukaan jalan untuk memperlahankan kelajuan kenderaan di atasnya, memperelokkan selekoh tajam, memasang lampu-lampu dan papan tanda amaran, membina jejantas pejalan kaki, membina lintasan pejalan kaki se-aras, dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha pembasmian kuman di sistem pengangkutan awam untuk melindungi orang ramai dari penyakit berjangkit kerana ia lebih mudah tersebar di ruang tertutup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengendali pengangkutan awam hendaklah memastikan kebersihan pengangkutan awam dititikberatkan bagi keselesaan semua penumpang mengikut prosedur operasi standard (SOP) masing-masing dan buat masa ini tiada kaedah atau sistem tertentu untuk memantau kadar kesihatan setiap penumpang yang menggunakan pengangkutan awam.

2. Kementerian Pengangkutan mencadangkan agar pengendali pengangkutan awam dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat hebohan mengenai kempen kesedaran bagi pengguna pengangkutan awam contohnya pemakaian topeng penutup mulut ketika menaiki pengangkutan awam bagi mengelakkan penyakit berjangkit. Iklan dalam bentuk audio atau visual seperti video, poster atau papan tanda (signboard) mengenai kesedaran untuk mengelakkan gejala penyakit berjangkit boleh dipaparkan di kawasan menunggu ataupun di dalam pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan garis masa ke arah menubuhkan pusat peningkatan digital sehenti di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam ucapan Belanjawan 2020, Menteri Kewangan telah menyatakan peruntukan sebanyak RM70 juta untuk membangunkan 14 Pusat Peningkatan Digital Sehenti atau *Digital Enhancement Centre* (DEC) yang bertujuan untuk dijadikan sebagai pusat sehenti bagi memudahkan akses kepada dana dan kemudahan pembiayaan serta pembangunan perniagaan, khususnya kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan di seluruh Malaysia yang ingin mendigitalkan perniagaan mereka. Perkhidmatan yang bakal disediakan termasuk khidmat nasihat dana dan pembiayaan serta pembangunan kapasiti selaras dengan keperluan Revolusi Perindustrian Keempat.
2. Buat masa ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Kementerian Kewangan (MoF) masih lagi dalam proses mengkaji mekanisme yang sesuai untuk pelaksanaan program ini. Berdasarkan kepada mekanisme dan rangka kerja yang dikenal pasti, tempoh pelaksanaan atau garis masa akan diperincikan kelak. Setelah diperincikan, KKMM dan MDEC akan mengadakan sesi libat urus (engagement) dan memberi maklumat lanjut berkaitan inisiatif ini kepada semua stakeholders yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 14

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah statistik kes sindiket penjualan kad pengenalan palsu sehingga September 2019 berbanding dengan tahun sebelumnya dan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (Pindaan) 2010 supaya kes penjualan kad pengenalan palsu ini dapat dihapuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod operasi yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi kes penyalahgunaan dokumen pengenalan diri sama ada menggunakan kad pengenalan milik orang lain atau memiliki kad pengenalan palsu, sebanyak 214 tangkapan telah berjaya dibuat dan dituduh di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dengan perincian mengikut tahun seperti mana berikut:-

- i. Tahun 2018: 133 orang; dan
- ii. Januari hingga 30 September 2019: 81 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007, takrifan pemerdagangan orang merujuk kepada elemen eksploitasi termasuk segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, dan termasuklah perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang. Eksploitasi termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.

NO SOALAN: 14

Justeru itu, buat masa ini tiada keperluan untuk meminda Akta ATIPSOM 2007 bagi kesalahan penjualan kad pengenalan palsu kerana kesalahan berkenaan dikategorikan di bawah tindakan menyalahi undang-undang yang boleh disiasat dan dituduh di bawah Seksyen 18 atau 26E Akta ini.

Kementerian Dalam Negeri dan JPN sentiasa komited dalam usaha memburu pengguna-pengguna dan ejen-ejen pemalsuan dokumen pengenalan diri dengan menjalankan operasi penguatkuasaan di seluruh Negara di samping kerjasama serta berkongsi maklumat bersama agensi-agensi penguatkuasaan lain dalam membendung gejala ini. Kementerian juga mengingatkan agar mana-mana individu atau institusi yang meragui ketulenan dokumen pengenalan diri untuk merujuk terus kepada KDN atau JPN bagi tujuan semakan data dan pemeriksaan fizikal dokumen.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN**Statistik Tangkapan Individu Menyalahgunakan Dokumen Pengenalan Diri Bagi Tahun 2018 Hingga Tahun 2019 Mengikut Pecahan Negara Asal**

NEGARA ASAL	TAHUN 2018	TAHUN 2019	JUMLAH
Filipina	63	77	140
Indonesia	47	2	49
Malaysia	11	0	11
China	6	1	7
Thailand	3	0	3
Myanmar	2	0	2
Pakistan	1	1	2
JUMLAH	133	81	214

Operasi Membanteras Sindiket Dokumen Pengenalan Diri Palsu

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 30 September 2019, sebanyak 2,100 operasi penguatkuasaan terhadap sindiket penipuan dan pemilikan dokumen pengenalan diri palsu atau milik orang lain telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,047 tangkapan melibatkan orang awam telah dibuat dan telah didakwa di bawah Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Perbuatan penjualan/pengeluaran dokumen pengenalan diri palsu ini telah dilakukan atas kapasiti individu-individu berkenaan untuk mengaut keuntungan mudah

NO SOALAN: 14

melalui cara yang salah. Justeru itu, kuasa penuh telah diberikan kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menyiasat dan mendakwa pihak yang didapati bersalah.

NO SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang dakwaan wang kertas mengandungi lemak babi dan apakah tindakan Kementerian Kewangan dalam menangani isu sensitif bagi kaum Melayu yang beragama Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Wang polimer RM1 dan RM5 tidak mengandungi mana-mana unsur lemak khinzir seperti yang didakwa. Bank Negara Malaysia (BNM) telah mendapatkan laporan terperinci daripada makmal bebas yang mengesahkan tiada sebarang unsur lemak haiwan dalam wang polimer. Perkara ini juga telah dirujuk kepada Majlis Penasihat Syariah BNM yang bersetuju dengan penilaian bahawa wang polimer adalah bebas daripada sebarang kaitan dengan unsur lemak haiwan dan dibolehkan untuk kegunaan harian.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan usaha Menteri bagi meningkatkan pengeluaran produk-produk berasaskan getah dalam masa lima tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, eksport barangan getah telah meningkat sebanyak 10.0% daripada tahun sebelum kepada RM23.8 bilion bersamaan 75.4% daripada jumlah eksport industri getah sebanyak RM31.6 billion. Namun, Kementerian sentiasa berusaha meningkatkan pengeluaran produk berasaskan getah dengan melaksanakan pelbagai langkah termasuk:

- (a) meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di peringkat hiliran bagi menjamin kelestarian produk getah di samping meningkatkan nilai tambah produk getah;
- (b) meningkatkan penggunaan getah dalam negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan projek infrastruktur serta penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti gelas getah struktur (*structural bearings*), fender dermaga (*dock fender*) dan lain-lain;
- (c) Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) bekerjasama dengan beberapa pengeluar barangan getah tempatan dalam membangunkan produk berasaskan bahan termaju seperti sarung tangan "*electrosatic dissipative (ESD)*" dan radioterapi yang menggunakan nanotiub karbon untuk kegunaan industri;

NO SOALAN: 16

- (d) memberikan latihan dan sokongan teknikal kepada usahawan-usahawan kecil tempatan dalam mengeluarkan produk-produk getah yang dibangunkan oleh LGM seperti cat, perekat, busa lateks dan sebagainya;
- (e) meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baharu melalui aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan luar negara dengan penyertaan *tradeshows*, seminar perdagangan, pameran, ekspo perdagangan, misi teknikal serta dialog. Aktiviti promosi produk getah Malaysia di pasaran antarabangsa akan dipergiatkan lagi terutamanya di negara-negara maju dan membangun yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi serta menunjukkan peningkatan peruntukan bagi sektor kesihatan dan pembangunan seperti Amerika Syarikat, Jepun, China, India, Filipina dan Indonesia;
- (f) melancarkan Dana Automasi dan Teknologi Hijau berjumlah RM20 juta melalui MREPC bagi menggalakkan pengilang produk getah terutamanya dalam kalangan industri kecil dan sederhana untuk mempertingkatkan usaha ke arah proses pengeluaran yang lebih mampan dan bercirikan Revolusi Industri 4.0; dan
- (g) mengambil langkah-langkah untuk memastikan produk getah yang digunakan di pasaran domestik menepati piawaian antarabangsa seperti ISO untuk memastikan kualiti dan keselamatan penggunaan produk. Ini boleh merangsang penerimaan yang lebih tinggi oleh pengguna terhadap produk getah kerana mutu yang terjamin.

NO SOALAN: 16

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian akan memperluaskan Pusat Kelulusan Setempat (OSC) sebagai langkah untuk memperkukuhkan penyelarasan pekerja asing setelah jumlah syarikat "outsourcing" berkurangan akibat kenaikan wang jaminan sebagai cagaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat di atas cadangan yang diketengahkan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengalu-alukan cadangan berkenaan dalam usaha untuk memantapkan sistem penyampaian Kerajaan.

Walau bagaimanapun, sebelum Kerajaan dapat melaksanakan sesuatu inisiatif, Kerajaan juga harus melihat elemen keupayaan dan kapasiti sumber-sumber yang ada agar Kerajaan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber yang terhad tanpa menjejaskan sistem penyampaian Kerajaan yang disasarkan. Oleh itu, Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi kemudahan majikan dan pengoptimuman sumber melalui kaedah penggunaan teknologi maklumat serta pengintegrasian penempatan pegawai dari pelbagai Kementerian di satu tempat seperti di Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre – OSC*).

Sehubungan dengan itu, Kerajaan berpandangan bahawa mekanisme dan kaedah pengurusan pekerja asing sedia ada melalui penubuhan OSC di KDN adalah masih lagi efisien. Dalam hal ini, peringkat awal saringan bagi majikan yang layak untuk dipertimbangkan bagi menggajikan pekerja asing dilaksanakan terus secara atas talian (*online*) yang boleh diakses di mana-mana, pada bila-bila masa dan majikan hanya perlu hadir sekali sahaja untuk ditemuduga di OSC yang mana keputusan permohonan penggajian pekerja asing turut akan diperolehi pada hari yang sama. Pengoperasian OSC di

NO SOALAN: 17

Putrajaya juga adalah amat efektif memandangkan Kementerian-Kementerian yang terlibat berada dalam kawasan yang sama dan berhampiran. Akhir sekali, Kerajaan dari semasa ke semasa akan sentiasa mengambil inisiatif dan bersedia untuk menerima segala cadangan daripada semua pihak bagi memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan pengurusan pekerja asing dengan lebih efektif.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam merapatkan jurang antara negeri-negeri kaya dan miskin serta pendapatan penduduk luar bandar dan bandar seperti mana yang dirangka di dalam Dasar Kemakmuran Bersama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 5 Oktober 2019 merupakan agenda nasional yang akan memandu hala tuju negara secara lebih holistik bagi tempoh 2021-2030. WKB merupakan iltizam Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang akan terus membangun secara mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama, inklusif merentasi kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan. Pelaksanaan WKB akan diterjemahkan untuk tempoh 10 tahun dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rancangan Malaysia Ke-13.
2. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030 dengan memberikan fokus kepada usaha untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan, merentasi wilayah termasuk negeri-negeri serta penduduk luar bandar dan bandar. Ini adalah penting supaya negeri-negeri kurang membangun dan golongan penduduk yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN: 18

3. Objektif kedua dalam WKB, iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan menumpukan usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kelas pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Bagi menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, tumpuan Kerajaan adalah untuk mewujudkan aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pekerjaan berpendapatan tinggi yang menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi di antara kumpulan pendapatan.

4. Di bawah Teras Strategik Keenam WKB, iaitu Keterangkuman Wilayah, pemetaan kawasan titik panas ekonomi (*economic hot spots*), dengan izin, akan dilaksanakan bagi mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Pemilihan strategi bagi setiap lokasi yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kekuatan dan keunikan di kawasan tersebut. Dalam Teras Strategik Kedua, terdapat 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang dikenalpasti. Antaranya ialah Ekonomi Digital dan Pertanian Pintar untuk mengembangkan dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi merentasi wilayah dan negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan yakin dan percaya bahawa usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang pembangunan merentasi wilayah dan negeri serta penduduk luar bandar dan bandar akan tercapai melalui pelaksanaan WKB ini. Dasar dan strategi serta pelan tindakan berkaitan sedang giat dirangka oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) pada tahun hadapan.

NO SOALAN: 18

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan daftar penerima bantuan penjagaan OKU terlantar / pesakit kronik terlantar (BPT) di seluruh negara sehingga November 2019 dan bagaimanakah bantuan berterusan melalui institusi sukarelawan kebajikan dapat diatur untuk membantu keluarga pesakit ini di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar buat sementara waktu sehingga kumpulan sasar ini mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari. Ini adalah kerana, bantuan kebajikan yang diberikan adalah bukan untuk menampung kos sara hidup sepenuhnya sebaliknya ia adalah untuk membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh kumpulan sasar untuk hidup yang lebih selesa dan sempurna.

Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit OKU Terlantar (BPT) bertujuan bagi meringankan beban keluarga/penjaga OKU dan Pesakit terlantar dan menggalakan keluarga/penjaga untuk menjaga ahli keluarga yang terlantar.

Syarat kelayakan bagi bantuan ini adalah seperti berikut:

- i. Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
- ii. Pemohon adalah penjaga sepenuh masa / memberikan penjagaan rapi kepada OKU Terlantar / Pesakit Terlantar / Pesakit Kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan; dan
- iii. Pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM 3,000.00.

Berdasarkan statistik terkini jabatan bagi tahun 2019, bilangan daftar penerima Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar bagi seluruh negara adalah seramai **25,432** penerima bantuan dengan perbelanjaan sebanyak **RM 81.7 Juta**.

NO SOALAN: 19

Bagi memastikan bantuan berterusan membantu keluarga dan pesakit penerima bantuan BPT, JKM menyediakan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*). Program ini merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah. Program ini juga bertujuan menyemarakkan perkhidmatan kesukarelaan (*volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat. Penglibatan sukarelawan dalam kerja-kerja komuniti melalui Program Khidmat Bantu di Rumah dapat melancarkan proses pemerksaan komuniti menerusi penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama. Mekanisme ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan berbentuk *community for community* (K4K) bagi tujuan membina integrasi sosial di kalangan komuniti setempat secara holistik.

Khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh Sukarelawan JKM adalah seperti berikut (mengikut keperluan):

- i. Menyediakan makanan dan minuman;
- ii. Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku) menyikat rambut dan sebagainya);
- iii. Menjadi rakan berbual;
- iv. Menjalankan aktiviti riadah;
- v. Mengemas atau membersihkan tempat tinggal, persekitaran;
- vi. Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- vii. Mengeluarkan wang dari Bank;
- viii. Membuat pembayaran bil;
- ix. Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkelayakan
- x. Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- xi. Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;

NO SOALAN: 19

- xii. Membawa ke hospital / klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- xiii. Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- xiv. Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan
- xv. Bantuan lain yang dirasakan perlu

Berdasarkan statistik terkini Tahun 2019 terdapat seramai **2,780** Sukarelawan yang terlibat melaksanakan Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*). Program ini memberi manfaat kepada **9,929** Klien JKM yang terdiri daripada Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan termasuklah pesakit pesakit terlantar di seluruh negara.

NO SOALAN: 19**Statistik Pelaksanaan Program Program Khidmat Bantu di Rumah
(Home Help Services) sehingga 31 OKTOBER 2019**

BIL.	NEGERI	SUKARELAWAN	KLIEN		
			WARGA EMAS	OKU	JUMLAH
1.	PERLIS	90	270	90	360
2.	KEDAH	332	981	311	1,292
3.	PULAU PINANG	110	324	57	381
4.	PERAK	125	334	125	459
5.	SELANGOR	260	790	190	980
6.	KUALA LUMPUR	42	111	43	154
7.	NEGERI SEMBILAN	130	457	83	540
8.	MELAKA	120	302	61	363
9.	JOHOR	125	352	118	470
10.	PAHANG	323	834	225	1059
11.	TERENGGANU	226	664	100	764
12.	KELANTAN	322	1,092	121	1,213
13.	SARAWAK	342	651	322	973
14.	SABAH	207	660	170	830
15.	LABUAN	26	64	27	91
JUMLAH KESELURUHAN		2,780	7,886	2,043	9,929

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Zaiedi Suhaili minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) di Sarawak dan sekiranya sudah ditubuhkan siapakah agensi peneraju AKSEM di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan terkini penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) di Sarawak kini adalah dalam proses meluaskan operasi ke Sarawak selaras dengan peruntukan Akta AKSEM 2017. Namun begitu, peluasan operasi AKSEM di sempadan darat negara di Sarawak hanya dapat dilaksanakan menjelang tahun 2020 setelah beberapa isu berkaitan dasar keselamatan dengan kerajaan negeri dan juga hal berkaitan penyusunan kekuatan tenaga kerja AKSEM bagi tujuan tersebut diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi yang telah dijalankan oleh Kerajaan khususnya Bank Negara untuk mengembalikan nilai Ringgit Malaysia ke potensi sebenarnya dalam masa 3 tahun seperti mana dijanjikan dalam Buku Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 6 Disember 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.6 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6.6 peratus dan 6.5 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan

NO SOALAN: 21

mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.
4. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, memperkukuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan senarai nama pemimpin Pakatan Harapan di dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan yang telah dilantik memegang jawatan di dalam syarikat-syarikat tersebut sejak Mei 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh bermula Mei 2018 sehingga sekarang, tiada lantikan politik dibuat bagi agensi-agensi yang di bawah kawal selia Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).
2. Walau bagaimanapun, bagi Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), ahli Lembaga Pengarahnya mempunyai YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri sebagai Pengerusi dan YB Datuk Seri Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah.
3. Kedua-dua pelantikan ini adalah atas dasar strategik bagi memelihara kepentingan kerajaan dalam Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan menghadiahkan komik 'Inisiatif Jalur dan Jalan: Meraih Manfaat Bersama' kepada presiden China oleh Perdana Menteri telah diluluskan atau dinilai oleh Bahagian Protokol, Kementerian Luar Negeri memandangkan komik ini telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahawa beliau tidak mengetahui isi kandungan komik berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Siti Fatimah binti Yahaya di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri sememangnya bertanggungjawab mengendalikan hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara lain termasuk hubungan di antara Malaysia dengan Negara China. Oleh yang demikian, segala aspek hubungan dua hala dari sudut substantif dan protokol sentiasa dipantau atau diselami sebaiknya oleh Kementerian ini.

3. Namun demikian, terdapat perkara-perkara yang dianggap biasa, yang mungkin dirasakan tidak mempunyai keperluan untuk dibuat rujukan kepada Kementerian Luar Negeri terlebih dahulu. Kebanyakan Menteri dan pegawai kanan memilih untuk memberikan buku sebagai cenderahati kepada rakan sejawat atau pemimpin asing. Pemilihan buku-buku tersebut biasanya dibuat sendiri oleh Menteri atau pegawai yang ingin menyumbangkannya ataupun melalui nasihat dan cadangan daripada pegawai dari agensi masing-masing.

NO SOALAN: 23

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dengan ini, tidak timbulah isu penilaian oleh Kementerian Luar Negeri terhadap tindakan YAB Perdana Menteri menghadiahkan komik tersebut kepada Presiden China.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Husam Bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan yang ada untuk menaik taraf perumahan anggota, balai-balai dan pejabat-pejabat PDRM di seluruh negara bagi meningkatkan imej PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin terhadap isu kemudahan dan premis Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang uzur dan usang di mana KDN akan mengambil langkah-langkah yang perlu dan berterusan bagi menyediakan kemudahan yang lebih selesa dan kondusif di tempat bertugas bagi menjaga kebajikan pegawai dan anggota PDRM.

KDN telah diluluskan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM200 juta di bawah Pakej *Rolling Plan* Keempat (RP-4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan di kompleks perumahan PDRM serta kerja-kerja pembaikan dan penggantian lif-lif kompleks PDRM seluruh Malaysia. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut, PDRM telah mengenal pasti dan menyenaraikan sejumlah 12,409 unit kuarters di 158 lokasi dan lain-lain keperluan infrastruktur gunasama yang perlu diselenggara dan dinaik taraf. Selain itu, sejumlah 201 unit lif di 34 lokasi turut dikenal pasti untuk penggantian dan pembaikan. Semua kerja-kerja pembaikan (kuarters dan lif) tersebut sedang dilaksanakan dan terdapat juga kerja-kerja pembaikan kuarters yang telah siap sepenuhnya.

Manakala lain-lain cadangan pembaikan yang bukan melibatkan pembaikan kuarters telah disenaraikan di bawah unjuran Perbelanjaan Mengurus PDRM Tahun 2019 berjumlah RM40.137 juta dengan mengambil kira keperluan terkini daripada Kontinjen dan Formasi bagi memastikan

NO SOALAN: 24

peruntukan yang disediakan dapat dibelanjakan ke atas kerja-kerja pembaikan yang lebih mendesak dan mengikut keutamaan.

Di bawah Pakej *Rolling Plan* Keempat (RP-4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2020, Kementerian Kewangan (MoF) telah menyatakan cadangan untuk meneruskan pelaksanaan projek kerja-kerja pembaikan termasuk untuk pejabat PDRM seluruh Malaysia dengan tambahan peruntukan berjumlah RM119 juta. PDRM telah mengemukakan senarai tajuk kerja-kerja pembaikan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk dilaksanakan pada tahun 2020 dengan memberikan keutamaan kepada skop kerja yang mendesak dan memerlukan pembaikan segera.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status jumlah liputan Internet untuk seluruh negara. Di Sarawak, apakah status liputan secara keseluruhan di kawasan bandar dan luar bandar dan langkah-langkah yang diambil untuk merapatkan jurang capaian Internet antara dua kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa berusaha untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara sekaligus mengurangkan perbezaan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar termasuk di Sarawak.
2. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian ini adalah penyediaan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di seluruh negara termasuk Sarawak melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Sehingga kini, sebanyak lebih 2.8 juta sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 198 ibu sawat di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, lebih 181 ribu sambungan telah tersedia melibatkan 13 ibu sawat di Sarawak.
3. Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Lebih daripada 620 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 748 ibu sawat di seluruh negara, manakala sebanyak lebih 62 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, lebih 29 ribu sambungan telah tersedia melibatkan

NO SOALAN: 25

penaiktarafan 70 ibu sawat di Sarawak, manakala lebih 8 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020 di bawah projek SUBB dan RBB.

4. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 2,426 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 220 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 608 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 32 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sarawak.
5. Selain itu, sebanyak 5,130 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G manakala 49 stesen pemancar masih dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 1,014 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf di Sarawak.
6. Pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 Terabit sesaat dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi 3,800 kilometer.

NO SOALAN: 25

7. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti ini telah menyumbang kepada peningkatan kepada liputan jalur lebar mudahalih di kawasan berpenduduk di Sarawak, iaitu 83.7% bagi liputan 3G dan 60.3% bagi liputan 4G setakat Oktober 2019.
8. Untuk perancangan seterusnya, pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara. Selain itu, NFCP turut menyasarkan 20% premis di kawasan pinggir bandar dan luar bandar tersedia dengan capaian sehingga 500Mbps menjelang tahun 2022.

Inisiatif	Siap Dilaksanakan		Dalam Pelaksanaan	
	Seluruh Negara	Sarawak	Seluruh Negara	Sarawak
Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB)	2,855,662 sambungan	181,330 sambungan	-	-
Menara Komunikasi Baharu	2,426 lokasi	608 lokasi	220 lokasi	32 lokasi

NO SOALAN: 25

Inisiatif	Siap Dilaksanakan		Dalam Pelaksanaan	
	Seluruh Negara	Sarawak	Seluruh Negara	Sarawak
Naik Taraf Stesen Pemancar di Menara Sedia Ada	5,130 stesen pemancar	1,014 stesen pemancar	49 stesen pemancar	-
Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) & Jalur Lebar Luar Bandar (RBB)	620,575 sambungan	29,694 sambungan	62,324 sambungan	8,468 sambungan
Peluasan Rangkaian Gentian Optik	2,406 km	-	76 km	-

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah proses dan progres Suruhanjaya Pilihan raya dalam melakukan Proses Pendaftaran Pengundi 18 tahun secara automatik di seluruh Parlimen dan DUN di Malaysia.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.
2. Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *Standard Operating Procedures (SOP)* dan penyediaan sistem dan infrastruktur** bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.
3. Bagi maksud membantu SPR dalam menyediakan SOP pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik ini, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:
 - (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;

NO SOALAN: 26

- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
 - (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
 - (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
 - (v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;
 - (vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;
 - (vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan
 - (viii) Polis DiRaja Malaysia.
4. SPR juga telah mengadakan **Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik** pada **3 Oktober 2019**. Melalui penganjuran sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.
5. Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan JPN melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang

NO SOALAN: 26

sedang diambil tindakan oleh SPR akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019**. Sehubungan itu, jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa pihak imigresen dan polis tidak membenarkan bekas tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (Preventive Detention) ke luar negara walaupun mereka telah dibebaskan melalui mahkamah atau lembaga rayuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pekeliling Imigresen Malaysia Terhad Bilangan 1 Tahun 2019, menyatakan bahawa individu-individu yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang menjejaskan imej negara seperti kes jenayah mahupun berkaitan dadah boleh disenaraikan di dalam Senarai Syak Imigresen (Senarai hitam) selama tiga (3) tahun. Individu-individu terbabit akan disenarai hitamkan berdasarkan dokumen pengenalan diri atau pasport antarabangsa mereka. Setelah individu-individu berkenaan disenarai hitamkan, bagi warganegara Malaysia, mereka akan disekat untuk ke luar negara. Manakala bagi bukan warganegara mereka akan dihalang daripada masuk ke Malaysia.

Justeru itu, bagi individu yang terlibat dengan kesalahan dibawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 kekal disenarai hitam selama sekurang-kurangnya 3 tahun oleh Jabatan Imigresen Malaysia dengan syor oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, nama tersebut boleh dikeluarkan berdasarkan penilaian dan perakuan daripada PDRM berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah keputusan Kementerian dalam menangani isu kadar pengangguran dalam kalangan belia dan apakah Kementerian merasakan tangga gaji baharu ini bersesuaian terhadap golongan ini pada masa sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kajian Kos Sara Hidup Belia dan Keperluan Belia Malaysia pada tahun 2016 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) mendapati terdapat 4 cabaran yang menjadi kebimbangan belia antaranya adalah isu pengangguran dan peluang pekerjaan. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran belia yang berumur 15 hingga 30 tahun pada tahun 2017 adalah sebanyak 6.7%. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu pengangguran belia perlu ditangani dengan segera supaya tidak berlaku peningkatan jurang agihan pendapatan yang akhirnya akan meningkatkan kadar kemiskinan.
2. Sehubungan itu, dalam usaha menangani isu pengangguran dan peluang pekerjaan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah memberikan penekanan kepada aspek keusahawanan serta TVET melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Dalam usaha menangani isu pengangguran belia, KBS sentiasa memastikan bahawa kursus yang ditawarkan di ILKBS adalah bersesuaian dengan penawaran dan permintaan pekerjaan.
3. Pada tahun 2015 sehingga 2019, KBS berjaya menghasilkan seramai 26,456 graduan. Dalam tempoh tersebut, berlaku peningkatan kepada kadar kebolehpasaran meningkatkan graduan ILKBS daripada 80% pada tahun 2013 kepada 93% pada tahun 2018. Ia juga

NO SOALAN: 28

secara tidak langsung meningkatkan gaji purata graduan ILKBS daripada RM1,200 kepada RM1,678.

4. Dalam pada itu, KBS telah memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Pendigitalan IR4.0@ILKBS dan mempelbagaikan pendekatan latihan kemahiran seperti *Teaching Factory* dan *Bootcamp TVET* sebagai usaha menyediakan anak muda menghadapi Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi mengikut keperluan industri. KBS juga telah memperkenalkan program *Skills Training at Risk Youth (STAR@U)* yang bertujuan menawarkan latihan kemahiran secara modular menerusi kursus jangka pendek kepada belia berisiko. Antara program di bawah program STAR@U adalah Reben Kuning dan MyFuture Youth.

5. KBS juga telah memperkenalkan beberapa program bagi memberi pendedahan kepada para belia berkenaan dengan keusahawanan. Program-program ini bertujuan untuk membangunkan ciri-ciri keusahawanan dan memupuk pembudayaan keusahawanan kepada para belia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya utama mereka. Antara program keusahawanan yang dilaksanakan oleh KBS adalah *Y-Career*, *Belia Bestari (B-Best)*, *Digital Youth Heroes Summit*, *My Youth Best Packaging* dan *Facing Up With Social Entrepreneurship (FUSE)*.

NO SOALAN: 28

6. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya kadar elaun pelajar atau pelatih praktikal yang menjalani latihan amali/praktikal di sektor Kerajaan dinaikkan kepada RM5 sejam berkuat kuasa pada 1 September 2019 yang lalu. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pembayaran elaun kepada pelatih praktikal ini, KBS telah membangunkan sebuah portal melalui Kempen #PaidInternship. Portal ini antara lain bertujuan untuk membantu pelatih praktikal melaporkan kekurangan bayaran upah di Kementerian/Agensi Kerajaan serta syarikat-syarikat di sektor swasta;
7. Pelaksanaan pembayaran elaun ini membolehkan lebih ramai pelajar khususnya di luar bandar dan dari kumpulan B40 untuk menjalani latihan amali/praktikal dan sekaligus menimba pengalaman bekerja. Ini kerana, pembayaran elaun ini dapat membantu meringankan beban pelajar yang memerlukan wang untuk menampung kos pengangkutan harian dan juga sara hidup sepanjang tempoh amali/praktikal.
8. Selain itu, bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini merupakan satu usaha dalam membantu Kerajaan ke arah

NO SOALAN: 28

mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain.

9. Pada 1 Januari 2019, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum seragam di seluruh negara pada kadar RM1,100 sebulan (RM5.29 sejam) melalui pewartaan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018. Namun begitu, Kerajaan melalui Belanjawan 2020 telah mencadangkan supaya gaji minimum ditingkatkan pada RM1,200 sebulan di bandar utama bagi mengimbangi keperluan pekerja dan majikan serta kenaikan kos sara hidup di bandar utama. Peningkatan kadar gaji ini menunjukkan usaha komited Kerajaan untuk menambah baik kehidupan rakyat terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah. KBS menyambut baik usaha peningkatan gaji minimum berkenaan.
10. Untuk makluman Yang di-Pertua, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan juga akan melaksanakan Inisiatif MalaysiaKerja (Malaysians@Work) pada suku kedua tahun 2020 yang akan membuka sebanyak 350,000 peluang pekerjaan kepada belia, graduan dan wanita dalam tempoh 5 tahun akan datang. Inisiatif ini memberi tumpuan kepada pekerjaan di kalangan graduan baru, meningkatkan pendidikan teknikal dan vokasional dan penyertaan latihan di kalangan belia yang sedang bekerja, menarik bakat di

NO SOALAN: 28

kalangan wanita yang berkelelahan untuk kembali bekerja dan mempromosikan pekerjaan berbahaya, kotor dan sukar, atau 3D kepada rakyat Malaysia, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan meningkatkan kadar guna tenaga dalam kalangan graduan dan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini penyertaan atau sambutan rakyat terhadap TVET khususnya para graduan dan usaha-usaha kerajaan bagi memastikan peningkatan kebolehpasaran graduan berkemahiran tinggi dalam Malaysia menuju industri 4.0 memandangkan laporan dari Jabatan Statistik Negara menunjukkan penurunan terhadap peratusan graduan berkemahiran tinggi dari tahun 2010 sehingga 2017 kepada 37 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kebolehpasaran Graduan merupakan salah satu agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam memastikan graduan yang dilahirkan dapat memenuhi kehendak pasaran pekerjaan dan guna tenaga Malaysia. Kementerian dan IPT telah mempergiatkan usaha dalam menjalankan pelbagai jaringan kolaborasi dengan pemegang taruh termasuklah industri, agensi-agensi kerajaan dan badan profesional agar kebolehpasaran dapat dipertingkatkan. Penglibatan industri dilihat sangat penting dalam pemandan kerja dan graduan agar seiring dengan kehendak pasaran. Penglibatan industri telah diperkembangkan bukan sahaja terlibat dalam pembangunan program akademik malah sebagai mentor dan tenaga pengajar untuk berkongsi informasi terkini dan pengalaman industri secara terus kepada pelajar.

Kajian Pengesanan Graduan atau SKPG menunjukkan kadar kebolehpasaran graduan di Politeknik dan Kolej Komuniti meningkat dari setahun ke setahun. Pada tahun 2018, kebolehpasaran graduan di Politeknik adalah 96.1 peratus dan Kolej Komuniti 96.5 peratus. Ini menunjukkan kemenjadian graduan politeknik dan kolej komuniti telah berjaya bekerja di industri mengikut bidang masing-masing.

NO SOALAN: 29

Justeru, bagi meningkatkan lagi kebolehpasaran, kurikulum sesuatu program ditambah baik dengan penglibatan industri secara aktif untuk lebih responsif dan relevan dengan keperluan semasa. Kursus-kursus baharu seperti kursus *Internet of Things*, *Big Data* dan *Augmented Reality* diserapkan ke dalam program pengajian supaya selari dengan kehendak industri 4.0.

KPM sentiasa berusaha untuk mengarusperdanakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta melengkapkan ekosistem TVET di Malaysia seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Ini juga bagi memenuhi sasaran dalam Rancangan Malaysia ke-11 yang mensasarkan penghasilan sebanyak 35 peratus pekerja berkemahiran menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai matlamat ini, hala tuju pendidikan TVET telah diperkukuhkan lagi melalui penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dan dianggotai oleh tujuh (7) Kementerian lain yang menawarkan program TVET di Kementerian masing-masing.

Antara rancangan dalam usahasama TVET setiap kementerian yang terlibat ialah untuk mewujudkan model *co-ownership* berkaitan peralatan, teknologi, kepakaran dan inovasi. Ini bagi memastikan sumber yang ada dapat dimanfaatkan secara optimum oleh semua institusi TVET. Selain itu, Kementerian peneraju TVET juga akan menumpukan kepada strategi '*place and train*' berbanding kaedah '*train and place*' yang dilaksanakan sebelum

NO SOALAN: 29

ini bagi memastikan industri dapat melatih pekerja yang ditempatkan mengikut keperluan industri.

KPM telah pun merangka dasar pendidikan TVET melalui sistem tunggal TVET yang membolehkan pelajar dalam aliran kemahiran dan vokasional meneruskan pengajian ke peringkat tertuari di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

Seiring dengan perkembangan Industri 4.0, KPM juga telah menerbitkan Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah kementerian termasuk politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional serta Malaysian Technical University Network (MTUN) yang terdiri daripada empat universiti awam iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Graduan TVET berkualiti menjadi Teras 1 dalam rangka kerja tersebut yang menggariskan agar graduan yang dihasilkan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, menambah baik ekosistem keusahawanan serta membangunkan graduan TVET sebagai warga global yang berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkaitan Skim Pembiayaan Usahawan Perusahaan Kecil Komuniti Cina sebanyak RM 100 Juta yang melebihi dari Program Keusahawanan Bumiputera sedangkan usahawan di Malaysia yang majoritinya terdiri daripada kalangan bumiputera juga pemberian RM 20 Juta untuk Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India.

NO SOALAN: 30

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada pembentangan ucapan Belanjawan oleh YB Menteri Kewangan pada 11 Oktober 2019, sebanyak RM445 juta diperuntukkan kepada usahawan Bumiputera bagi menyokong pembangunan keusahawanan Bumiputera dari segi akses kepada pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah bahaya dan kesan pencemaran 'phthalates' (phthalates contamination) ke atas badan manusia. Ini kerana kebanyakan produk berasaskan plastik menggunakan bahan ini untuk menghasilkan produk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum berkenaan isu penggunaan *phthalate* dalam produk berasaskan plastik. *Phthalates* merupakan bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk berasaskan plastic termasuk pembungkus makanan. Kajian oleh *European Food Safety Authority* (EFSA) ke atas haiwan menunjukkan ia boleh menyebabkan kesan kesihatan ke atas sistem reproduktif dan hati. Selain itu, *International Agency for Research on Cancer* (IARC) mengkelaskan *phthalate* jenis Di-2-ethylhexyl phthalate (DEHP) sebagai *possibly carcinogenic to humans (Group 2B)* iaitu berkemungkinan boleh menyebabkan kanser kepada manusia.

KKM telah menjalankan pemantauan dari tahun 2002 ke atas keselamatan produk berasaskan plastik termasuk pembungkus makanan. Sehingga kini, hasil pemantauan menunjukkan pencemaran *phthalate* dari pembungkus makanan ke dalam makanan adalah pada tahap yang tidak membahayakan kesihatan. Walau bagaimanapun, pengguna dinasihatkan untuk menggunakan pembungkus makanan daripada plastik mengikut kaedah yang disarankan pada pembungkus tersebut. Oleh yang demikian, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan akan terus memantau penggunaan pembungkus makanan daripada plastik di pasaran tempatan dan mengikuti perkembangan terkini di peringkat antarabangsa bagi memantau risiko keselamatan makanan yang berpunca dari bahan pembungkus plastik.

NO SOALAN: 31

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Donald Peter Mojuntin minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan mempunyai cadangan untuk memberi peruntukan kepada Negeri Sabah sebagai pengganti kepada janji kenaikan royalti minyak dan gas kepada 20% yang dinyatakan secara umum dan awam, yang mustahil untuk ditunaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 November 2019 bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincang dan diputuskan secara bersama antara YAB Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri bagi menentukan hala tuju selanjutnya.
2. Keputusan daripada perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin ini akan menjadi asas untuk meneruskan perbincangan termasuk mengenai kaedah dan kadar pembayaran bayaran tunai petroleum kepada negeri-negeri berkenaan.
3. Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi perkara berkaitan peruntukan pembangunan (DE) di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020, Kerajaan Persekutuan terus melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara negeri, termasuk di Sabah supaya pembangunan adalah saksama dan inklusif. Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini termasuklah projek-projek pembangunan mengikut tahun seperti berikut:

NO SOALAN: 32

- a. Tahun 2017: 584 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM37.948 billion diluluskan;
 - b. Tahun 2018: 598 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM38.654 billion; dan
 - c. Tahun 2019: 638 projek telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM42.663 billion.
4. Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan mengambil berat pembangunan negeri Sabah, supaya seiring seperti di Semenanjung Malaysia. Dari tahun 2017 hingga 2019, bilangan projek untuk rakyat negeri Sabah sentiasa meningkat dari 584 projek bagi tahun 2017 dengan kos keseluruhan sebanyak RM37.948 billion kepada 638 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM42.663 billion untuk tahun 2019.
 5. Sebagai contoh, antara usaha yang diambil adalah termasuk melaksanakan projek-projek pembangunan seperti pengukuhan sistem bekalan elektrik di Sabah di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
 6. Di bawah Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-11, MESTECC telah diluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM297,009,966 pada tahun 2019 bagi melaksanakan 49 projek bekalan elektrik Negeri

NO SOALAN: 32

Sabah secara pemberian geran dan 3 projek bekalan elektrik secara pinjaman dengan peruntukan tahun 2019 sebanyak RM190,083,120.

7. Bagi menyediakan kemudahan bekalan elektrik ke rumah-rumah di perkampungan tradisional di luar kawasan operasi pihak berkuasa tempatan (PBT), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah meluluskan peruntukan berjumlah RM388,444,000 pada tahun 2019 kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi pelaksanaan 16 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Negeri Sabah dengan kos berjumlah RM3,060,798,626. Projek BELB ini meliputi pembinaan sambungan talian grid, kabel dasar laut dan sistem solar hibrid di kawasan luar bandar.
8. Sebagai kesimpulan, Sabah merupakan antara negeri penerima terbesar peruntukan pembangunan dalam usaha Kerajaan Persekutuan untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada rakyat di Negeri Sabah. Oleh yang yang demikian, tidak berbangkit mengenai peruntukan pengganti kepada janji kenaikan royalti minyak dan gas kepada negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini PTPTN dalam isu pembayaran balik pinjaman oleh peminjam-peminjam ekoran sering wujudnya 'U-Turn' setiap kali polisi pembayaran balik diumumkan oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menyedari hakikat bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu memberi perhatian terhadap penambahbaikan pengurusan pinjaman, PTPTN telah mengadakan sesi libat urus berbentuk perbincangan meja bulat, bengkel dan mesyuarat dengan pelbagai pihak sepanjang Disember 2018 sehingga Mac 2019. Pelbagai pandangan serta idea dibentang melalui Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) yang telah dijalankan pada 16 Mei sehingga 13 Jun 2019. Hasil daripada konsultasi tersebut, didapati bahawa model yang dicadangkan adalah tidak sesuai dan sukar untuk dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi membangunkan model pembiayaan bayaran balik PTPTN yang baharu sebelum dibawa kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan jumlah pendapatan Masyarakat Orang Asli sekurang-kurangnya adalah sama seperti pendapatan minimum berjumlah RM1,200 seperti yang diumumkan di dalam Bajet 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

JAKOA amat komited dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Dalam hal ini penumpuan diberikan kearah peningkatan pendapatan melalui pengwujudan peluang pekerjaan yang setanding dengan masyarakat umum yang memiliki pendapatan minima sekurang-kurangnya RM1,200 sebulan. Antara usaha yang dilakukan:

- i. Menyediakan peruntukkan dan program kepada usahawan Orang Asli seperti program pembangunan usahawan (kursus/seminar/karnival), pembinaan premis perniagaan dan peralatan perniagaan kepada bakal dan usahawan Orang Asli yang sedia ada. Dalam RMK-11 (2016-2019) sejumlah RM10 juta diperuntukkan bagi manfaat seramai 297 usahawan.
- ii. Mengadakan program latihan kemahiran dan kerjaya (PLKK) pada golongan belia. Semenjak 2011 hingga kini seramai 7,091 belia Orang Asli telah dilatih dengan peruntukkan hampir 59 juta yang telah memberi peluang pekerjaan kepada 85% dengan pendapatan melebihi RM1,200 sebulan.

NO SOALAN: 34

- iii. Menyediakan peruntukan kepada petani, penternak dan nelayan Orang Asli melalui program seperti Projek Perladangan, Projek Hands-holding, Bantuan Input Pertanian, Program Pengembangan (lawatan sambil belajar dan kursus pertanian/penternakan/perikanan). Dalam RMK-11 (2016-2019) sejumlah RM51 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan 403 projek dan program berkaitan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG
TARIKH : 16 DISEMBER 2019**

Datuk Ir. Yong Wui Chung minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dalam usaha Kerajaan memastikan projek-projek Kerajaan dilaksanakan dengan kos yang lebih murah berbanding Kerajaan dahulu, bagaimanakah Kementerian dapat memastikan bahawa setiap daripada projek tersebut dapat disiapkan mengikut masa dan tidak berkompromi dari segi kualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam usaha memastikan projek Kerajaan dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat, maka semua perolehan bagi projek Kerajaan telah ditawarkan secara tender terbuka, seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Bagi projek-projek dengan kos yang melebihi RM50 juta, pihak Kementerian akan melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai atau *Value Management Lab* bagi mendapatkan kos dan skop projek yang optimum (*value for money*) selaras dengan arahan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.1/2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi setiap projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian ini, pihak Kementerian dan agensi di bawahnya dikehendaki untuk memenuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik (*best value for money*), saingan terbuka serta adil dan saksama. Selain itu, projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya sebagai Agensi Pelaksana di bawah Kementerian ini perlu mematuhi sistem kawalan kualiti Jabatan iaitu Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai kualiti serta menepati masa yang ditetapkan.

NO SOALAN: 35

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Zahari bin Sarip minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai rakyat negara ini yang dikenal pasti terlibat dengan kumpulan kongsi gelap dan kumpulan pengganas antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik dari Januari 2019 sehingga Oktober 2019 menunjukkan seramai 383 orang rakyat Malaysia telah ditangkap kerana terlibat dengan kumpulan kongsi gelap. Daripada jumlah tersebut, 348 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pertubuhan 1966 manakala bakinya seramai 35 orang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

Bagi tempoh dari Januari 2019 sehingga November 2019, seramai 9 orang rakyat Malaysia telah ditangkap kerana terlibat dengan kumpulan pengganas antarabangsa. Kesemua mereka yang terlibat dengan kegiatan keganasan ini telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Manakala jumlah keseluruhan tangkapan yang melibatkan rakyat Malaysia kerana terlibat dengan kumpulan pengganas dari tahun 2013 sehingga November 2019 adalah 345 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenyataan pada 23 Jun 2019, iaitu Menteri Pendidikan mengumumkan kajian terhadap AUKU dan penggubalan undang-undang baru menggantikan AUKU sedang digubal. Sejauh manakah perkembangan penggubalan undang-undang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, gerak kerja bagi pemansuhan AUKU telah bermula pada 2018 dan kini ia sedang berada di fasa kedua pembangunan draf rang undang-undang pendidikan tinggi yang mengharmonikan AUKU dan Akta 555 (bagi institusi pendidikan tinggi swasta). Draft akta baru ini akan siap pada Disember 2019 dan akan dibentangkan serta dibahaskan bersama warga kementerian dan pemegang taruh pendidikan tinggi yang terdiri daripada warga akademik dan mahasiswa universiti awam pada awal tahun 2020.

Kementerian menjangkakan pembentangan draf rang undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen selepas sesi libat urus dan semakan daripada Jabatan Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik bilangan ibu tunggal mengikut pecahan negeri bagi bulan Januari 2019 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merekodkan pendaftaran ibu tunggal di dalam Sistem iWanita berkonsepkan pendaftaran secara sukarela oleh ibu tunggal yang mengikuti program di bawah JPW. Statistik ibu tunggal dalam Sistem iWanita sehingga bulan November 2019 adalah seramai 79,120 orang.

Di samping itu, terdapat juga ibu tunggal yang didaftarkan di dalam sistem eKasih di bawah ICU bagi mendapatkan bantuan kerajaan. Pendaftaran eKasih melalui permohonan dan bancian dan akan melalui proses verifikasi dan validasi bagi memastikan hanya ibu tunggal yang layak sahaja akan mendapat bantuan kerajaan. Statistik ibu tunggal dalam sistem eKasih sehingga 4 Disember 2019 adalah seramai 121,703 orang dengan pecahan 7,393 Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin Tegar, 22,362 KIR Miskin dan 91,948 KIR berstatus terkeluar.

Ingin ditekankan bahawa sistem iWanita merekodkan pendaftaran ibu tunggal secara sukarela manakala sistem eKasih pula membuat pendaftaran melalui permohonan dan bancian oleh ICU di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan-kesan terhadap sektor perdagangan luar Malaysia setelah Malaysia disenaraikan dalam senarai pemantauan negara manipulator mata wang oleh perbendaharaan Amerika Syarikat dan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi kesan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula dengan tahun 2019, Perbendaharaan Amerika Syarikat telah menetapkan bahawa mana-mana negara yang memenuhi tiga kriteria yang digariskan oleh Amerika Syarikat akan disenaraikan sebagai negara manipulator mata wang. Kriteria Pertama adalah lebih dagangan dengan Amerika Syarikat melebihi USD20 bilion setahun. Kedua, lebih akaun semasa melebihi dua peratus dari Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK. Kriteria ketiga, jumlah belian mata wang asing melebihi dua peratus dari KDNK.
2. Pada masa ini, Amerika Syarikat tidak menamakan Malaysia sebagai negara manipulator mata wang asing kerana Malaysia hanya memenuhi dua dari tiga kriteria yang ditetapkan. Kemasukan Malaysia dalam Senarai Pemantauan Negara Manipulator Mata Wang oleh Perbendaharaan Amerika Syarikat bersama dengan negara-negara pedagang utama dunia yang lain seperti Jepun, Jerman, Korea Selatan dan Singapura membuktikan bahawa Malaysia menduduki tempat yang signifikan dalam ekonomi dunia.
3. Bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya ingin memberi pencerahan bahawa perdagangan luar Malaysia termasuk perdagangan dua hala dengan Amerika Syarikat tidak terjejas walaupun Malaysia disenaraikan dalam Senarai Pemantauan ini. Malahan, prestasi perdagangan dua hala dan pengaliran masuk pelaburan dari

NO SOALAN: 39

Amerika Syarikat sehingga suku tahun ketiga tahun 2019 adalah memberansangkan.

4. Jumlah perdagangan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat dari Januari hingga Oktober 2019 menunjukkan pertumbuhan yang positif sebanyak 4.7% mencecah RM135.39 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018. Kedua-dua eksport ke Amerika Syarikat dan import dari negara tersebut telah menunjukkan peningkatan pada kadar 4.4% dan 5.3% masing-masing. Dengan nilai eksport sebanyak RM78.87 bilion dan import sebanyak RM56.53 bilion, Malaysia terus menikmati lebihan imbalan perdagangan dengan Amerika Syarikat.

5. Dari segi pelaburan langsung asing, Amerika Syarikat tersenarai sebagai pelabur terbesar di Malaysia bagi tempoh Januari hingga September 2019 dengan nilai projek pembuatan yang diluluskan sejumlah RM12.2 bilion iaitu 31% daripada jumlah pelaburan asing dalam sektor pembuatan. Pelaburan dari Amerika Syarikat ini membuktikan bahawa Malaysia masih merupakan destinasi pilihan bagi pelaburan strategik di rantau ini. Malaysia adalah antara pilihan utama di rantau ini berikutan lokasi negara yang strategik dan kompetitif serta berada dalam rangkaian bekalan dunia, mempunyai persekitaran perniagaan yang mesra pelabur dan disokong oleh dasar kerajaan yang pro-perniagaan.

6. Oleh yang demikian, Kementerian ini ingin memberi penekanan bahawa senarai pemantauan ini tidaklah memberi kesan yang negatif terhadap perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat mahupun dari segi pelaburan langsung asing dari negara tersebut.

NO SOALAN: 39

7. Walau bagaimanapun, Malaysia tidak akan '*rest on laurels*' berikutan prestasi yang baik. Kementerian ini melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan InvestKL akan meneruskan aktiviti promosi perdagangan di Amerika Syarikat dengan menggalakkan penyertaan syarikat Malaysia untuk eksport ke negara tersebut serta menarik pelaburan masuk ke Malaysia.

8. Kementerian mensasarkan lebih banyak pelaburan asing dari Amerika Syarikat yang berkualiti tinggi, termasuk pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi, berorientasikan eksport, pemimpin pasaran (*market leader*) dan berteknologi tinggi untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara serta menawarkan peluang perniagaan dan pekerjaan di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk memastikan masa depan nelayan terbela berikutan bantahan dari beberapa kumpulan nelayan dari negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perak terhadap cadangan pelaksanaan projek 'Penang South Reclamation' di kawasan perairan selatan Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan usaha-usaha untuk memastikan masa depan nelayan terbelah, Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN), telah juga menasihatkan penggerak projek (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) untuk menyediakan suatu Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA). SIA ini disediakan bagi memastikan impak sosial dapat diberi perhatian untuk meminimumkan kesan terhadap kebajikan masyarakat di sekitar kawasan pembangunan, termasuklah golongan nelayan.

Antara langkah-langkah mitigasi yang telah dipersetujui melalui Pelan Pengurusan Impak Sosial (*Social Impact Management Plan* - SIMP) adalah supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada aspek-aspek kebajikan golongan nelayan seperti:-

- 1) Peningkatan sumber pendapatan nelayan melalui *Alternative Livelihood Options' Scheme for Fishermen*;
- 2) Penubuhan Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) sebagai *focal point* untuk menyelesaikan sebarang isu/aduan nelayan, dan sebagai platform untuk terus mengadakan perundingan bersama golongan nelayan bagi memastikan keperluan-keperluan mereka diberi perhatian sewajarnya;

NO SOALAN: 40

- 3) Memastikan *uninterrupted fishermen access* semasa peringkat pembinaan dan operasi bagi memastikan sumber pendapatan nelayan tidak terjejas; dan
- 4) Menjalankan *ecological offset* bagi mengurangkan impak kepada kehidupan marin (seperti mewujudkan tukun tiruan dan menanam paya bakau).

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD
SALLEH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah hasil daripada program pendidikan seks yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui LPPKN di bawah Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial telah melaksanakan pelbagai program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI) di sekolah, Institusi, komuniti dan di Pusat Remaja KafeTEEN yang menyasarkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun.

Pada tahun 2011 hingga November 2019, LPPKN telah melaksanakan 5,812 program PEKERTI yang memberi manfaat kepada 293,680 golongan remaja. Melalui aktiviti pendidikan dan pembangunan kemahiran yang dianjurkan di KafeTEEN, ia telah memberi pengetahuan kepada 656,292 golongan remaja sejak 2006 hingga Oktober 2019. Manakala bagi perkhidmatan kesihatan reproduktif sebanyak 35,070 remaja telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan di KafeTEEN tersebut.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 2014 juga telah menunjukkan peningkatan terhadap pengetahuan mengenai KRS iaitu di tahap sederhana berbanding tahap rendah pada kajian yang sama pada tahun 2004.

Sementara kajian Penilaian Pra dan Pasca bagi program PEKERTI@Sekolah dan PEKERTI@Institut pada tahun 2014 dan 2015 menunjukkan terdapat peningkatan yang signifikan daripada aspek pengetahuan dan sikap yang lebih positif terhadap kesihatan reproduktif.

NO SOALAN: 41

Kajian Faktor Risiko dan Pelindung Terhadap Kesihatan Reproduktif dan Seksual Remaja di Sabah dan Sarawak 2015 yang melibatkan remaja berumur 13 hingga 24 tahun mendapati pengetahuan mengenai Kesihatan Reproduktif dan Seksual (KRS) merupakan salah satu faktor pelindung yang dapat membantu menangani isu kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja. Pada tahun 2017 Kajian oleh Unit Perunding Universiti Malaya (UPUM) bagi penilaian program PEKERTI di LPPKN menunjukkan sebanyak 64 peratus (%) remaja yang menyertai program mendapat manfaat dan sekali gus terdapat peningkatan dalam pengetahuan mereka mengenai pendidikan kesihatan reproduktif.

Kajian Penilaian Outcome KafeTEEN pada tahun 2019 menunjukkan 93.5 peratus daripada remaja mendapat peningkatan terhadap tahap pengetahuan mengenai kesihatan reproduktif selepas mengikuti program.

Data statistik daripada Kementerian Kesihatan Malaysia juga menunjukkan penurunan bilangan kes kehamilan remaja luar nikah daripada 3,980 kes pada tahun 2014 kepada 2,873 kes pada 2018. Data *Age Specific Fertility Rate* bagi wanita 15 ke-19 tahun di Malaysia juga telah menurun daripada 13 bagi setiap 1,000 wanita pada tahun 2006 kepada 9 bagi setiap 1000 wanita pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN
MOHAMED YASSIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan nilai Ringgit Malaysia berbanding mata wang asing dan berapa banyak rizab wang asing yang telah digunakan untuk mempertahankan nilai ringgit pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 6 Disember 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.6 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6.6 peratus dan 6.5 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan

NO SOALAN: 42

mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.
5. Bagi memastikan keadaan pasaran yang teratur dan cekap, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia mengurus aliran dana keluar masuk negara supaya kekal dalam keadaan yang stabil di samping memastikan rizab antarabangsa negara berada pada paras yang mencukupi. Langkah ini akan mendorong peningkatan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan untuk pelaburan. Paras rizab antarabangsa pada akhir bulan Januari 2018 berjumlah USD103.6 bilion dan mencatat penurunan sebanyak USD2.2 bilion kepada USD101.4 bilion pada 31 Disember 2018. Sementara itu, pada 29 November 2019, paras rizab antarabangsa telah meningkat kepada USD103.2 bilion, mencukupi untuk membiayai 7.7 bulan import tertangguh dan 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

NO SOALAN: 42

6. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit dan rizab negara akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai hasrat dan cadangan untuk memastikan polisi Kementerian dipinda supaya "maklumat tidak diketahui" tidak lagi dibenarkan dalam kolum maklumat bapa pada sijil kelahiran anak-anak yang tidak sah taraf.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melaksanakan pendaftaran kelahiran berdasarkan ketetapan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299), Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak CAP. 10), dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP. 123). Selaras dengan Akta dan Ordinan berkenaan, maklumat yang didaftarkan dalam Sijil Kelahiran seseorang individu yang dilahirkan di Malaysia adalah berdasarkan kepada maklumat dan bukti yang dikemukakan oleh pemohon seperti butir/dokumen kelahiran kanak-kanak, maklumat ibu dan bapa (jika ada).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelahiran yang didaftarkan di bawah kategori 'Anak Tidak Sah Taraf' adalah tertakluk kepada permohonan di bawah Seksyen 13 (Akta 299) atau Seksyen 10 (Sabah CAP. 123) atau Seksyen 11 (Sarawak CAP. 10), yang mana maklumat mengenai individu yang mengaku sebagai bapa kanak-kanak berkenaan boleh dicatatkan dalam Sijil Kelahiran kanak-kanak dengan persetujuan bersama ibu kandungnya, dan seterusnya kedua-dua pihak hendaklah menandatangani borang pendaftaran kelahiran tersebut. Manakala, bagi catatan 'Maklumat Tidak Diperolehi' dalam ruangan maklumat bapa, ia dilaksanakan dalam keadaan seperti mana berikut:-

- i. Tiada dokumen/maklumat pendaftaran perkahwinan yang sah di antara ibu dan bapa; atau

NO SOALAN: 43

- ii. Maklumat bapa tidak diperolehi semasa pendaftaran kelahiran kanak-kanak dibuat.

KDN mengambil maklum mengenai cadangan untuk meminda kategori 'Maklumat Tidak Diketahui' dalam Sijil Kelahiran seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, KDN perlu membuat kajian dan penelitian lanjut ke atas perkara ini selaras dengan peruntukan perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Indeks Maklumat Dalam Sijil Kelahiran

Berdasarkan Kaedah-kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 2019 menetapkan indeks maklumat yang perlu ada pada daftar kelahiran adalah seperti berikut:-

- i. Nama kanak-kanak (atau nama bapa atau ibu jika kanak-kanak itu didaftarkan tanpa nama);
- ii. Jantina kanak-kanak;
- iii. Tarikh (hari bulan dan tahun) kelahiran kanak-kanak itu;
- iv. Kawasan pendaftaran;
- v. Pusat pendaftaran; dan
- vi. Nombor Sijil (daftar).

NO SOALAN: 44

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Khazanah Nasional diperuntukkan RM450 juta untuk melaksanakan insentif mempercepat transformasi ke arah peningkatan penggunaan e-dompet sedangkan ini tanggungjawab Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Inisiatif e-Tunai Rakyat merupakan suatu inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk mempercepat transformasi ke arah peningkatan penggunaan e-dompet dalam masyarakat dan peniaga, terutamanya perusahaan perniagaan kecil dan runcit untuk menerima bayaran digital. Pelbagai pihak mungkin mempunyai kepentingan dalam bayaran digital, seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, dan lain-lain.

Peruntukan RM450 juta akan disalurkan kepada Khazanah Nasional, sebagai pelaksana yang kompeten. Daripada peruntukan tersebut, RM30 akan dibayar kepada pemohon yang layak menerusi akaun e-dompet mereka. Baki yang tidak dibelanjakan oleh pemohon sebelum tamat tempoh inisiatif ini akan dibayar balik oleh Khazanah Nasional kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD
YUSOFF
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff minta **MENTERI PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA** menyatakan keberkesanan dasar kebudayaan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kebudayaan Negara merupakan satu gagasan jangka panjang kemakmuran bersama yang mengambil kira asas-asas sedia ada dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Dasar Kebudayaan Negara dirangka dalam konteks yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira keterangkuman budaya-budaya yang sesuai dari pelbagai etnik di Malaysia dalam menampilkan identiti dan keperibadian kebangsaan.

Dasar ini merupakan hak bersama rakyat Malaysia yang mempunyai visi Peneraju Gagasan Budaya Nilai Tinggi dalam Pembentukan Negara Bangsa. Dasar ini menjadi mekanisme dalam mewujudkan satu bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya nilai tinggi melalui tatasusila, tatacara dan keintelektualan dalam misi memprakasakan peradaban bangsa dan ketamadunan negara untuk mencapai kemakmuran bersama. Dasar Kebudayaan Negara juga mengangkat kelestarian dan pemerksaan budaya serta teknologi baharu yang meyumbang kepada sosioekonomi negara.

Sebanyak tujuh (7) teras diperincikan di bawah pelbagai agenda dan rancangan pembangunan budaya rakyat sedang diperhalusi di peringkat pakar bagi menghasilkan sebuah dasar yang berkesan untuk mengungkap kemakmuran serta pembentukan jati diri seperti berikut:

NO SOALAN: 45

1. Budaya Nilai Tinggi
2. Keharmonian Masyarakat
3. Kelestarian Warisan Budaya
4. Kecemerlangan Budaya
5. Pembangunan dan Pengembangan Budaya
6. Pemerksaan Budaya
7. Penjanaan Ekonomi

Dasar Kebudayaan Negara menggariskan strategi-strategi dan pelan tindakan berdasarkan teras-teras kebudayaan dengan lebih mantap dan jelas dengan tujuan memperlihatkan hala tuju seni, budaya dan warisan yang lebih fokus serta memperkasakan fungsi dan tanggungjawab agensi-agensi berkaitan seni, budaya dan warisan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan cadangan dan syor yang diberikan melalui Suruhanjaya Diraja Pendatang Asing 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang ditubuhkan pada 21 September 2012 telah menjalankan siasatan sewajarnya berdasarkan kepada terma rujukan yang telah ditetapkan.

Justeru, menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Kedua-dua Jawatankuasa dianggotai oleh Jabatan/Agensi/Bahagian persekutuan dan negeri yang terlibat dengan pengurusan warga asing di Sabah yang antara lainnya adalah Jabatan Ketua Menteri Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain. Jawatankuasa ini juga sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'
SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membuka sebuah Universiti Pertanian yang lebih memfokuskan penghasilan produk pertanian berbanding dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ada sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penubuhan sesebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara. Ia dibuat dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan tertentu terhadap pembangunan sosio-ekonomi negara, sumber manusia yang mencukupi serta keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Buat masa ini, tumpuan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah untuk memperkasakan universiti awam sedia ada yang memfokuskan kepada bidang pertanian. Selain Universiti Putra Malaysia (UPM), beberapa universiti awam seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) serta Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut menawarkan kursus berkaitan pertanian serta menyumbang ke arah penghasilan produk pertanian berdasarkan penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan.

Kementerian juga tidak bercadang untuk menambah bilangan universiti awam (UA) pada masa ini memandangkan jumlah 20 UA sedia ada ini adalah memadai dan mencukupi untuk menampung bilangan kemasukan pelajar ke UA. Untuk tempoh 3 tahun terkini (2016 hingga 2018), jumlah graduan agribio ialah seramai 6,157 graduan dan bergraduat dalam pelbagai peringkat pengajian.

NO SOALAN: 47

Buat masa ini UPM masih terus menyumbang bakti untuk mengangkat martabat pertanian ke tahap yang lebih tinggi melalui aspirasi Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian dalam Buku Pelan Strategik UPM 2014-2020. Pencapaian terkini Fakulti, Institut & Pusat berkaitan Pertanian di UPM adalah seperti berikut:

1. 10 daripada 16 fakulti adalah berkaitan pertanian;
2. 3 Pusat Perkhidmatan memfokuskan aktiviti berkaitan pertanian;
3. 70 peratus Institut adalah berkaitan pertanian; dan
4. Ladang UPM mendapat pensijilan myGAP (pengiktirafan pertanian).

Secara keseluruhan, statistik terkini program pengajian berkaitan Pertanian di UPM ialah 42 peratus daripada keseluruhan program pra-siswazah (diploma dan sarjana muda) adalah dalam bidang agribio dan sains berkaitan pertanian, 67 peratus (123 Program) daripada keseluruhan program pasca-siswazah (sarjan dan doctor falsafah) adalah dalam bidang agribio dan sains berkaitan pertanian, dan 100 peratus (7 Program) program diploma adalah dalam bidang pertanian.

Sebagai universiti yang berasaskan pertanian, UPM turut mendapat pengiktirafan antarabangsa antaranya Top 100 universiti terbaik di dunia dan terbaik di Malaysia dalam bidang Agriculture and Forestry oleh badan penarafan antarabangsa iaitu QS Quacquarelli Symonds, US News Best Global Reports untuk Agricultural Sciences di kedudukan ke-53 terbaik dunia, kedudukan ke-9 di Asia, kedudukan pertama di Asia Tenggara dan di Malaysia serta National Taiwan University (NTU) Ranking tangga ke-57 dalam bidang Agricultural Sciences di Dunia.

NO SOALAN: 47

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, aspek pembangunan penyelidikan di UPM telah menghasilkan pelbagai inovasi dan teknologi pertanian yang berjaya dikomersialkan, sekali gus memberi manfaat kepada komuniti dan industri asas tani. Sebanyak 36 Program Penyelidikan yang dijalankan di UPM adalah berkaitan Pertanian, manakala universiti telah menerima peruntukan dana R&D dalam bidang penyelidikan pertanian sejumlah RM565.7 juta bagi tempoh 2006 hingga 2018. Hasil daripada penyelidikan tersebut, sebanyak 344 produk pertanian telah berjaya dipatenkan dan 103 produk pertanian telah di komersialkan. Antara produk yang berjaya dikomersialkan adalah PadiU Putra, NDV4, Fowl Pox & MyVac Vaksin untuk kesihatan haiwan ternakan, baja ZAPPA untuk pembesaran bijih benih, Vita Grow (Baja Foliar) dan HALAL Test Kit (HaFYS).

Segala pencapaian dan sumbangan selama ini membuktikan UPM sentiasa memberi fokus dan keutamaan kepada bidang pertanian. Malah UPM juga telah meletakkan sasaran dan matlamat yang jelas iaitu mahu dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian yang tersohor.

Dalam pada itu, data sehingga November 2019 menunjukkan sebanyak 14 buah IPTS menawarkan 18 program pengajian dalam bidang pertanian (*Crop and Animal Stock, Agriculture, Forestry and Fishing*) dengan jumlah pelajar seramai 1,360 orang. Kewujudan pelbagai agensi lain seperti Jabatan Pertanian dan MARDI turut memainkan peranan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan berasaskan pertanian ini. Agensi ini perlu memberi fokus yang lebih kepada pengeluaran produk pertanian untuk memastikan negara mempunyai ekosistem pertanian yang kukuh. Justeru, berdasarkan peranan dan sumbangan UPM dalam ekosistem yang sedia

NO SOALAN: 47

ada ini, tiada keperluan untuk pihak Kerajaan membuka sebuah Universiti Pertanian yang baharu.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keberkesanan akta Perlindungan Data Peribadi membantu pihak polis menangani aktiviti 'scammer' di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) yang bertujuan untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urusan niaga komersial oleh Pengguna Data untuk mengelak dari disalahguna atau disalahpakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.
2. Akta 709 yang berkuat kuasa mulai 15 November 2013 telah mewajibkan pendaftaran Pengguna Data yang tergolong di bawah 13 golongan Pengguna Data sebagai salah satu mekanisme pematuhan di dalam pelaksanaannya. Setiap pengguna data (syarikat yang memproses data peribadi di dalam transaksi komersial tersebut) wajib mematuhi 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi dalam mengendalikan data peribadi subjek data (pemilik data peribadi) bagi memastikan data peribadi tersebut tidak disalahgunakan.
3. Berkaitan dengan isu 'scammer', Akta 709 tidak terpakai kepada aktiviti 'scam' kerana Akta ini adalah lebih kepada mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data supaya data peribadi yang berada di bawah kawalannya dikendalikan dengan secara berhemah dan penuh integriti.

NO SOALAN: 48

4. Dalam menangani isu 'scammer', Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah menjalin kerjasama yang erat dengan agensi penguatkuasaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Bank Negara Malaysia (BNM) yang meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisa forensik digital serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.
5. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu iaitu Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu penipuan dalam talian.
6. SKMM juga boleh mengambil tindakan di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sekiranya didapati kandungan yang dimuat naik oleh 'scammer' melanggar peruntukan seksyen tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan proaktif Kerajaan terhadap 10.9% belia menganggur memandangkan terdapat lebih 2 juta pendatang asing di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menangani masalah ini, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan beberapa program bagi memberi pendedahan kepada para belia berkenaan dengan ilmu keusahawanan bertujuan untuk membangunkan ciri-ciri keusahawanan dan memupuk pembudayaan keusahawanan kepada para belia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya utama mereka dan secara tidak langsung membantu mereka mewujudkan peluang pekerjaan sendiri di dalam bidang ini. Inisiatif ini merangkumi beberapa program utama yang dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah penyertaan seramai 31,258 orang sehingga November 2019. Antara program yang dilaksanakan adalah :
 - a. Program Youth Career (Y-Career) bertujuan membantu membantu golongan belia (B40) dengan memberi tumpuan kepada latihan insentif jangka pendek untuk belia yang dibelenggu masalah kemiskinan terutama di luar bandar bagi memenuhi keperluan industri dengan jaminan pekerjaan selepas tamat latihan. Kursus berbentuk latihan yang diterapkan adalah latihan jangka pendek atau modular pada peringkat asas. Ia dilaksanakan dalam dua siri di 15 negeri termasuk satu program di peringkat kebangsaan dengan jumlah penyertaan seramai 875 pada tahun 2019.

NO SOALAN: 49

- b. Program Karnival Youth Business Expo (Ybex) sebagai platform usahawan belia menjalinkan hubungan dengan pemain industri korporat dan menambah peluang pekerjaan dan latihan. Karnival ini dilaksanakan di setiap negeri dengan jumlah penyertaan seramai 30,000 orang peserta secara keseluruhan.
- c. Bengkel Pembangunan Digital (Young Heroes) dengan tujuan meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan melalui platform perniagaan atas talian. Bengkel ini dilaksanakan di semua zon di seluruh negara dengan jumlah penyertaan seramai 157 pada tahun 2019.
- d. Kursus Belia Tani merupakan program yang merangkumi kursus pertanian, ternakan, perikanan dan industri asas tani menyasarkan belia anak muda untuk memohon geran Agropreneur Muda di bawah seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Program ini merupakan kursus peringkat asas kepada usahawan-usahawan belia bagi memberikan pendedahan dan pemahaman khusus mengenai teknologi-teknologi tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani. Pada tahun 2019, seramai 226 orang peserta telah berjaya mengikuti program dari lapan siri program yang telah dilaksanakan.

NO SOALAN: 49

2. Selain itu, bagi memastikan adanya lebih banyak peluang pekerjaan dengan gaji yang selayaknya kepada anak muda, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 September 2019 telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pihak Kerajaan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), perbankan, penyelidik, dan peneraju industri. Penglibatan pelbagai pihak ini merupakan satu usaha dalam membantu Kerajaan ke arah mencapai mewujudkan 1 juta peluang pekerjaan kepada anak muda dalam tempoh 5 hingga 10 tahun seperti yang terkandung dalam Manifesto Kerajaan. Antara isu-isu yang akan dibincangkan oleh jawatankuasa ini meliputi pengangguran, tawaran gaji rendah, peluasan sektor pekerjaan dalam pelbagai bidang, kesepadanan pendidikan/latihan mengikut keperluan industri dan lain-lain.
3. Bagi perancangan tahun 2020, Kementerian juga telah mengambil langkah untuk melaksanakan karnival kerjaya yang menyasarkan penyertaan lebih daripada 10,000 ribu orang yang sedang mencari peluang pekerjaan dengan kerjasama Youth Power Club (YPC) di peringkat kebangsaan.
4. KBS turut memperkasakan belia dalam sektor ekonomi dan keusahawanan melalui kursus-kursus instruktur kecergasan dan rekreasi secara menyeluruh di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Instruktur-instruktur terlatih ini dapat menjana pendapatan melalui pelaksanaan aktiviti sukan pada waktu pagi dan petang termasuk pada hari hujung minggu di kawasan rekreasi Pihak

NO SOALAN: 49

Berkuasa Tempatan, taman rekreasi, pejabat dan agensi kerajaan serta kawasan tumpuan ramai. Sepanjang tahun 2019, Kementerian telah menganjurkan Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik, Gimnasium dan Kursus Rekreasi Luar di seluruh negara dengan penyertaan sehingga kini seramai 1,301 orang.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 50

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan keselamatan sempadan terutamanya sempadan maritim Sabah dengan Filipina, memandangkan insiden culik dari kumpulan Abu Sayyaf telah berlaku sekali lagi pada bulan September 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan keselamatan perairan negara di Timur Sabah dan Laut Sulu terjamin, Malaysia, Indonesia dan Filipina telah menjalinkan kerjasama yang amat baik melalui inisiatif yang dibangunkan di bawah INDOMALPHI *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) di antara ketiga-tiga negara.

Kerjasama di bawah rangka kerja *Trilateral Cooperative Agreement* (TCA) dan *Trilateral Maritime Patrol* (TMP) ini terus diperkasakan dengan aktiviti-aktiviti di bawah Kumpulan Kerja yang menjurus kepada peranan *Sub-Working Group* iaitu elemen Risikan (*Intelligence*), *Maritime Patrol* dan *Air Patrol*. Selain itu, fokus juga diberi dalam pelaksanaan *TMP Exercise* yang dilaksanakan secara giliran oleh ketiga-tiga *Maritime Command Centre* (MCC) di Tawau, Tawi-Tawi dan Tarakan bersama-sama dengan aset-aset rondaan di lapangan.

Inisiatif ini telah memberikan kesan yang ketara di mana terdapat penurunan kes-kes penculikan/rompakan di sekitar perairan Sabah Timur/Laut Sulu semenjak ianya dilaksanakan pada tahun 2016 yang lalu. Sebagai contoh, pada tahun 2016 terdapat sebanyak 8 insiden penculikan yang di laporkan, 2017 tiada insiden, manakala tahun 2018 sebanyak 2 insiden.

NO SOALAN: 50

Secara keseluruhannya, keselamatan di perairan Sabah dilaporkan berada dalam keadaan terkawal dengan pengawasan berterusan yang dilaksanakan pasukan keselamatan negara Malaysia, Filipina dan Indonesia.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memupuk kesejahteraan masyarakat dan perpaduan di antara kaum (bagi tahun ini) dan jelaskan kesan/impaknya dalam mengurangkan jurang perkauman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dalam memupuk kesejahteraan masyarakat dan perpaduan di antara kaum (bagi tahun ini) ialah:

- (a) Forum Perpaduan Sekretariat Rukun Negara (FPSRN) peringkat kebangsaan telah dilaksanakan dengan penglibatan sebahagian besar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dari seluruh negara. Di antara tujuan FPSRN adalah untuk memberi pendedahan berkenaan isu-isu perpaduan melalui platform forum di mana ahli-ahli panel berkongsi idea dan pandangan mereka dengan para peserta yang merupakan ahli Sekretariat Rukun Negara serta memberi kefahaman mengenai matlamat dan prinsip Rukun Negara bagi membolehkan para peserta lebih menghayatinya.
- (b) Program Fiesta Perpaduan Di Hati Peringkat Negeri Selangor merupakan program yang dirangka untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan keunikan dan kepelbagaian adat resam, budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum. Pengisian program yang unik dilihat mampu menarik penyertaan dalam kalangan generasi muda umpamanya melalui *Segmen Runway Fashion* yang telah membuka peluang kepada pereka-pereka pakaian pelbagai etnik untuk mengetengahkan fesyen pakaian pelbagai kaum, Pertandingan *E-*

NO SOALAN: 51

Games FIFA 2019 yang merupakan pertandingan permainan video yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum serta Pertandingan Masakan yang telah mempelbagaikan citarasa mengikut tradisi kaum dan etnik masing-masing.

- (c) Pertandingan Video Pendek Perpaduan yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penerangan Negeri Selangor dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah berjaya mencungkil bakat dan kemahiran kreatif dalam mempromosikan perpaduan. Video-video pendek bertemakan “Kepelbagaian Kaum Penyatuan Bangsa” yang mempunyai mesej-mesej perpaduan yang menarik dan unik telah disebarluaskan melalui media sosial bagi tujuan mempromosikan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
- (d) Penganjuran Program Sambutan Kemerdekaan di Pusat Beli-Belah (*Mall*) juga merupakan satu inisiatif baru oleh badan-badan korporat dalam usaha meningkatkan perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia. Program yang dirangka melalui kerjasama antara Pusat Beli-Belah dan PERPADUAN ternyata berjaya menarik penyertaan masyarakat pelbagai kaum dan peringkat umur. Sejumlah 24 Pusat Beli-Belah di seluruh negara telah melaksanakan program ini. Pengisian program dilihat dapat meningkatkan interaksi masyarakat pelbagai kaum dan menyemai semangat cintakan negara. Secara tidak langsung, penglibatan pusat beli belah ini membuktikan kesediaan dan komitmen badan korporat dan pihak swasta dalam mengambil tanggungjawab bagi memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat di negara ini.

NO SOALAN: 51

- (e) Program Perhimpunan Perpaduan Demi Negara dilaksanakan bertujuan membina hubungan mesra, interaksi dan memupuk persefahaman melalui kerjasama strategik antara Rukun Tetangga (RT), Persatuan Penduduk (RA) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat, pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan di seluruh negara bagi tujuan melaksanakan program-program menyantuni rakyat termasuk dalam memperkasa dan mensejahterakan golongan minoriti serta melaksanakan inisiatif-inisiatif mempromosikan perpaduan secara bersepadu bagi mengelakkan persaingan tidak sihat antara mereka. Program ini telah dijalankan sebanyak 8 siri melibatkan 16 buah negeri mengikut pecahan 6 zon dengan konsep pelaksanaan berbentuk seminar, forum dan dialog. Hasil daripada pelaksanaan program tersebut telah menunjukkan semangat kerjasama dan penerimaan yang tinggi di kalangan pemimpin RT, RA, NGO dan badan korporat serta semua PERPADUAN Negeri dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) Negeri yang turut melibatkan penyertaan peserta dari pelbagai kaum dalam program tersebut.
- (f) Program keharmonian antara penganut agama turut dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri melalui penganjuran aktiviti seperti dialog, forum dan program komuniti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan penganut agama. Contohnya, aktiviti seperti Solidariti Kedamaian di Dataran Merdeka, Bengkel Perbincangan Meja Bulat Antara Penganut Agama, Jom Santuni Masyarakat Negeri Kedah, Jelajah Wacana Muhibah Budaya Negeri Kelantan, *Harmony Walk Programme* WP Kuala Lumpur, Festival Baba Nyonya Negeri Melaka, *Interfaith Dialogue* Negeri Terengganu, Dialog Keharmonian

NO SOALAN: 51

Negeri Sabah, Forum Keharmonian Antara Penganut Agama Negeri Sarawak dan sebagainya. Penganjuran program seperti ini diadakan melalui kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Agama dan Sosial serta agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri.

- (g) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, konferens, bengkel, wacana, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda melalui pendekatan berorientasikan pengupasan isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti penganjuran persidangan bertajuk *Conference on Countering Hate Speech and Intolerance in Malaysia* dan bengkel bertajuk "*Identifying and Countering Hate Speech Against Minorities*" serta Wacana Perpaduan di Hati Ke Arah Kelestarian dan Pengukuhan Hubungan Etnik yang telah diadakan sepanjang tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah konsep amalan pengasingan sisa pepejal dan amalan kitar semula dilaksanakan di seluruh jabatan dan agensi Kerajaan termasuk di Parlimen sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Konsep amalan pengasingan sisa pepejal dan amalan kitar semula merupakan salah satu kaedah untuk mengurangkan sisa pepejal daripada dilupuskan ke tapak pelupusan sampah. Konsep ini bertujuan menerapkan budaya mengasingkan sisa yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik dan lain-lain. Melalui pengasingan bahan yang boleh dikitar semula ini bukan sahaja dapat mengurangkan jumlah sisa di tapak pelupusan, malahan dapat menjadi sumber kepada penghasilan produk baharu serta pendapatan sampingan.
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah menguatkuasakan pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca di negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2017 (Akta 672) iaitu Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.
3. Ahli Parlimen bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca ini adalah dialu-alukan untuk bersama-sama mengalakkan penglibatan masyarakat untuk menyokong dan memperkasa usaha murni ini.

NO SOALAN: 52

4. Seluruh jabatan dan agensi Kerajaan juga memainkan peranan dalam melaksanakan pengasingan sisa pepejal dan kitar semula. Sebagai contoh pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah menggariskan keperluan jabatan Kerajaan dalam menyediakan tong kitar semula dan melaksanakan kitar semula oleh seluruh warga kerjanya.
5. Selain itu, KPKT menerusi SWCorp juga sentiasa memberikan khidmat nasihat dan mengadakan program kesedaran kepada jabatan/agensi Kerajaan di seluruh negara. Pada tahun 2019 (sehingga bulan Oktober) sebanyak 36 buah pameran telah diadakan dan 96 program ceramah telah disampaikan kepada jabatan/agensi Kerajaan seluruh negara. Program Bank Kitar Semula di Pejabat Kerajaan (3R@Gov) juga giat dilaksanakan sepanjang tahun 2019 meliputi 1,105 program dengan melibatkan 994 lokasi di seluruh negara.
6. Berdasarkan program tersebut, anggaran barangan kitar semula yang telah berjaya dikumpul adalah sebanyak 1,284,172 kilogram dengan nilai RM300,339.00.
7. Tidak ketinggalan, pihak pengurusan Parlimen Malaysia juga telah menyambut baik seruan Kerajaan apabila SWCorp telah dijemput untuk memberikan khidmat nasihat serta menyampaikan taklimat berkaitan amalan pengasingan sisa pepejal dan kitar semula pada 23 Mei 2019 yang lalu. Semasa taklimat tersebut, pihak pengurusan

NO SOALAN: 52

Parlimen Malaysia telah dikongsikan dengan kaedah untuk membuat pengasingan di kawasan premis pejabat serta langkah-langkah yang perlu diambil.

8. Bagi meneruskan usaha meningkatkan kesedaran terhadap amalan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca di peringkat agensi Kerajaan dan swasta, KPKT melalui SWCorp juga telah merangka pelaksanaan Kempen Pembudayaan Amalan 3R di Pejabat bagi tahun 2020.
9. Kempen ini dilaksanakan bagi mewujudkan sikap kebertanggungjawaban terutamanya bagi warga kerja agensi kerajaan dan swasta dalam memelihara dan menghargai alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah bilangan nelayan di Pulau Pinang mengikut lima daerah (Barat Daya, Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, jumlah nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia adalah seramai 128,148 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 94,781 orang merupakan nelayan tempatan, manakala seramai 33,367 orang adalah kru warganegara asing yang bekerja di atas 3,051 vesel penangkapan ikan tempatan di negara ini.
2. Bagi nelayan yang berdaftar di Pulau Pinang, perincian mengikut daerah dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

Daerah Perikanan	2016	2017	2018
Timur Laut	1,118	1,045	1,101
Barat Daya	1,642	1,629	1,697
Seberang Perai Utara	854	881	826
Seberang Perai Tengah	304	314	301
Seberang Perai Selatan	1,078	1,104	1,049
Jumlah	4,996	4,973	4,974

3. Berdasarkan rekod pendaftaran nelayan, bilangan nelayan yang berdaftar di Pulau Pinang menurun sebanyak 0.4% pada tahun 2018 berbanding 4,996 orang pada tahun 2016.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah kutipan hasil perolehan dan cukai petroleum bagi pengeluaran minyak dan gas di kawasan utara Maritim Semenanjung Malaysia (Malaysia-Thailand Joint Development Area-MTJDA) pada tahun 2018 dan 2019 dan nyatakan nama-nama syarikat yang terlibat dalam kerja-kerja eksplorasi hasil petroleum di MTJDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah kutipan hasil petroleum oleh Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA) bagi tahun 2018 (telah di audit) adalah berjumlah USD793.46 juta manakala jumlah kutipan hasil bagi tahun 2019 (sehingga Jun 2019 yang belum di audit) adalah berjumlah USD437.38 juta.

2. Syarikat-syarikat kontraktor carigali yang terlibat dalam aktiviti eksplorasi dan pengeluaran petroleum di Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (*Malaysia-Thailand Joint Development Area-MTJDA*) berdasarkan Kontrak Kongsi Pengeluaran (*Production Sharing Contract*) yang ditandatangani dengan MTJA adalah seperti berikut:
 - (i) PETRONAS Carigali JDA Ltd (bagi pihak Malaysia) dan Hess Oil Company of Thailand (JDA) Ltd. (bagi pihak Thailand) untuk Blok A-18 MTJDA (Kontraktor Carigali Blok A-18); dan

 - (ii) PETRONAS Carigali JDA Ltd (bagi pihak Malaysia) dan PTT Exploration and Production International Limited (bagi pihak Thailand) untuk Blok B-17 & C-19 dan Blok B-17-01 (Kontraktor Carigali Blok B-17 & C-19 dan Blok B-17-01).

NO SOALAN: 54

3. Dua (2) buah syarikat operasi usahasama (*Joint Operating Company*) telah dilantik untuk menjalankan operasi carigali bagi pihak syarikat kontraktor. Dalam hal ini, Syarikat Kontraktor Carigali Blok A-18 telah melantik Carigali-Hess Operating Company Sdn. Bhd. (CHOC) sebagai operator carigali bagi pihaknya manakala Kontraktor Carigali Blok B-17 & C-19 dan Blok B-17-01 telah melantik Carigali-PTTEPI Operating Company Sdn. Bhd. (CPOC) sebagai operator carigali bagi pihaknya.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Kamarudin bin Abdun minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan perbandingan kenaikan harga barangan antara GST dan SST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas melibatkan kutipan data harga **900 Barangan Keperluan Pengguna Terpilih** bermula bulan September 2018.
2. Pemantauan dan kutipan harga telah dilakukan di 7,047 buah premis perniagaan yang terdiri daripada pasar basah, kedai runcit, pasar raya, *hypermarket*, farmasi, kedai serbaneka, kedai mini dan kedai buku.
3. Kementerian turut membangunkan indeks tanpa wajaran (*unweighted index*) menggunakan 900 item barangan di bawah Pemantauan Harga Khas ini dan menjadikan bulan Mei 2018 sebagai bulan asas perbandingan harga. Analisis perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Oktober 2019 bagi melihat kesan pelaksanaan SST terhadap kedudukan harga barangan di pasaran.
4. Melalui analisis data harga yang dibuat oleh Kementerian, didapati trend harga barangan di pasaran adalah stabil selepas pelaksanaan SST namun menunjukkan peningkatan yang perlahan daripada bulan Februari 2019 hingga September 2019. Namun, trend tersebut tidak berpanjangan dan mula menurun pada bulan Oktober 2019.

NO SOALAN: 55

5. Berdasarkan kutipan data harga yang diperolehi daripada kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol, terdapat beberapa sub kumpulan yang mencatatkan kenaikan harga seperti berikut:
 - a) Daging segar;
 - b) Ikan dan makanan laut yang diproses; dan
 - c) Telur.

6. Analisis data harga barangan yang dipantau oleh Kementerian menunjukkan kenaikan harga yang ketara bagi tiga (3) sub kumpulan barangan ini namun kebanyakan barangan ini merupakan produk agro makanan seperti hasil laut dan telur yang mempunyai jangka hayat yang pendek dan harga berubah mengikut faktor-faktor lain seperti permintaan dan penawaran semasa, musim perayaan, perubahan kadar tukaran mata wang asing serta keadaan cuaca. Perubahan harga barangan ini bukanlah disebabkan oleh faktor cukai memandangkan produk-produk di bawah sub kumpulan berkenaan tidak dikenakan SST.

7. Sebagai negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka, kuasa pasaran (*market forces*) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barangan di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran seperti faktor penawaran dan permintaan, peningkatan kos pengimportan, peningkatan kos logistik, perubahan cuaca dan sebagainya.

NO SOALAN: 55

8. Kementerian akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran bagi memastikan harga yang dikenakan adalah berpatutan dan keadaan pasaran adalah sihat. Tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana peniaga yang didapati melakukan penipuan atau mengambil kesempatan menaikkan harga barang akan diambil di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

9. Dalam pada itu, Kementerian juga memerlukan kerjasama rakyat untuk menggunakan hak dan kuasa sebagai pengguna dengan menyalurkan sebarang aktiviti antipencatutan kepada Kementerian melalui saluran aduan yang disediakan. Saya menyeru Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk bersama-sama Kementerian dengan memberikan maklumat kenaikan harga bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah untuk mengatasi lambakan pelajar perubatan di Malaysia melebihi kapasiti fasiliti yang disediakan Kementerian Kesihatan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius akan perkara berkaitan kebolehpasaran graduan di kalangan institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia termasuklah bidang perubatan. Justeru, bagi mengurangkan jurang kebolehpasaran graduan, Kementerian telah melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh UA. Pihak UA mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan.

Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan IPT, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa.

Program akademik yang hendak ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, ILMIA, Talentcorp, Jobstreet dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan

NO SOALAN: 56

program. Ini bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang dan pekerjaan yang tidak diperlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2018 yang dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan selepas pelajar tamat pengajian, graduan perubatan yang menunggu penempatan pekerjaan adalah seramai 2,595 orang (54.3 peratus) daripada 4,782 orang.

Justeru itu, KPM dengan kerjasama Majlis Perubatan Malaysia mengatasi lambakan graduan perubatan dengan melaksanakan moratorium penawaran bagi kursus pengajian bidang perubatan di institusi pendidikan tinggi (IPT). Melalui moratorium ini, Kementerian tidak akan mempertimbangkan permohonan baharu bagi program perubatan di peringkat ijazah sarjana muda. Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju melanjutkan moratorium penawaran program perubatan di IPT bagi tempoh 5 tahun lagi mulai 1 Mei 2016 hingga 30 April 2021. Moratorium ini bermaksud tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar perubatan di peringkat ijazah sarjana muda.

Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah tersebut iaitu:

NO SOALAN: 56

1. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan secara tetap kepada lantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Sehubungan dengan ini penempatan boleh dibuat tidak bergantung kepada perjawatan dan hanya bergantung kepada slot latihan;
2. meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah (HLS) dari 38 HLS pada tahun 2009 kepada 47 buah HLS pada tahun 2018;
3. menambah bilangan penempatan alternatif daripada 5 penempatan kepada 9 penempatan di Klinik-klinik Kesihatan dan Institusi Kesihatan Mental;
4. membuat pengambilan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) setiap 2 bulan iaitu dalam 6 kali setahun; dan
5. meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada PPS berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 16 DISEMBER 2019**

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melindungi dan meningkatkan populasi harimau Malaya yang semakin berkurangan; dan
- (b) adakah Malaysia bekerjasama dengan organisasi hidupan liar antarabangsa yang membantu pemeliharaan harimau liar dalam usahanya untuk meningkatkan populasi harimau Malaya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) kini telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi melindungi dan meningkatkan populasi Harimau Malaya. Antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:
 - (i) meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*] bagi meningkatkan kadar denda dan menambah baik perundangan jenayah hidupan liar;
 - (ii) menjalankan *1st National Tiger Survey* (1st NTS) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) untuk menentukan anggaran sebenar populasi Harimau Malaya di Malaysia;
 - (iii) melaksanakan moratorium terhadap spesies mangsa harimau seperti Rusa Sambar dan Kijang selama 5 tahun iaitu dari 1 November 2016 hingga 30 November 2021;
 - (iv) meningkatkan rondaan penguatkuasaan di dalam dan luar Kawasan Perlindungan (PA) menerusi Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Perbadanan Taman Negeri;
 - (v) melancarkan Kempen Selamatkan Harimau Malaya 2019- 2020 bagi mempergiat usaha konservasi Harimau Malaya; dan

NO SOALAN: 57

- (vi) meningkatkan program kesedaran awam seperti pameran, ceramah dan dialog bersama masyarakat dengan penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.
2. Di peringkat antarabangsa, Malaysia turut terlibat secara aktif dalam forum dan seminar bagi membincangkan isu pemuliharaan harimau. Antara kerjasama yang dijalankan bersama badan antarabangsa adalah seperti berikut:
- (i) Global Tiger Forum (GTF) dalam bidang konservasi harimau yang melibatkan Tiger Range Countries (TRCs) dan penganjuran *4th Asia Ministerial Conference on Tiger Conservation (AMC)* pada tahun 2020;
 - (ii) WWF International melalui WWF Malaysia bagi membantu dalam pelaksanaan standard pengurusan habitat harimau melalui program Conservation Assured Tiger Standards (CATS);
 - (iii) Sekretariat The Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES) bagi pengawalan perdagangan spesies flora dan fauna terancam termasuk Harimau Malaya; dan
 - (iv) The International Criminal Police Organization (INTERPOL) bagi menyelaraskan perkongsian maklumat dan pelaksanaan operasi penguatkuasaan rentas sempadan jenayah hidupan liar.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Sopiah binti Sharif minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mengenai masalah anak-anak hilang (missing children) yang dilaporkan meningkat sekarang ini. Apakah faktor-faktor penyumbang (contributing factor) kepada masalah ini dan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

NO SOALAN: 58

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sememangnya mengambil serius kes-kes kehilangan kanak-kanak dan remaja. Berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kanak-kanak / remaja yang dilaporkan hilang bagi tahun 2011 hingga Mei 2019 adalah seramai **15,042** kes.

Berdasarkan kepada statistik tersebut, lima punca utama kes kehilangan kanak-kanak dan remaja ialah:

BIL	PUNCA	JUMLAH KES
1.	Mencari kebebasan diri daripada belunggu keluarga	7,159 kes
2.	Mengikut atau terpengaruh dengan ajakan rakan	3,167 kes
3.	Dipengaruhi oleh kekasih untuk lari daripada rumah	2,252 kes
4.	Pertelingkahan keluarga/kurang perhatian keluarga	1,523 kes
5.	Tidak minat belajar, mencari kerja	577 kes

Justeru, antara usaha-usaha dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi kerajaan yang lain adalah melalui pendekatan advokasi kepada masyarakat bagi isu kehilangan kanak-kanak / remaja serta pembangunan sistem bagi

NO SOALAN: 58

menyebarkan maklumat kanak-kanak hilang kepada masyarakat agar mereka ini dapat ditemui dalam keadaan selamat.

1) Program Advokasi

- i) Mengadakan program **Keselamatan Kanak-kanak Sahabat B.I.J.A.K: Selamat Dan Lindung** (*Safe and Protect*) bermula tahun 2014 dan melibatkan 9 buah agensi rakan kolaboratif. Program ini turut diperluaskan dengan penglibatan ibu bapa, guru-guru, Persatuan Ibu bapa dan Guru dan komuniti setempat demi memastikan semua peringkat masyarakat khususnya ibu bapa memberi keutamaan kepada keselamatan kanak-kanak. Sehingga kini seramai 96,512 pelajar sekolah dari 411 buah sekolah mendapat manfaat daripada program ini;
- ii) **Melaksanakan Modul Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) oleh LPPKN sejak tahun 2017.** Fokus utama Modul PEKA adalah untuk memastikan aspek keselamatan anak-anak menjadi tanggungjawab bersama bukan sahaja ibu bapa, penjaga tetapi juga ahli masyarakat terutama berkaitan dengan pindaan Akta Kanak-Kanak 2016. Pendidikan mengenai keselamatan siber turut terkandung dalam modul ini di mana ibu bapa dan penjaga dibekalkan dengan pengetahuan untuk bersama anak-anak semasa menggunakan Internet. Pelaksanaan program PEKA ini melibatkan ibu bapa di peringkat komuniti, melalui mekanisme pelaksanaan secara perkongsian bijak. Sehingga 2019 seramai 502 fasilitator Modul PEKA telah dilatih untuk turun ke masyarakat yang terdiri daripada agensi kerajaan, pemimpin komuniti, guru tadika dan badan bukan kerajaan. Sebanyak 249 program telah dilaksanakan bagi

NO SOALAN: 58

tempoh 2017-2019 dan melibatkan 6,322 peserta di kalangan ibu bapa telah hadir;

- iii) Kempen kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan kanak-kanak di sekolah-sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, Badan Kerajaan dan NGO oleh PDRM agar masyarakat lebih prihatin tentang jenayah terutama melibatkan kanak-kanak;
- iv) Mewujudkan Mekanisme amaran awal dan mengukuhkan mekanisme perlindungan kanak-kanak di peringkat nasional dan antarabangsa. (NUR Alert, Portal kanak-kanak hilang, FB NUR Alert);
- v) Menyediakan Pengetahuan asas kepada kanak-kanak untuk membolehkan mereka melindungi diri daripada penganiayaan, pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi serta mengenal pasti keadaan yang berisiko kepada mereka. *Women Awareness Campaign (WAC)* dan *Child Awareness Campaign (CAC)*;
- vi) Meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai hak, kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak kepada semua pihak yang berkenaan (WAC dan CAC);
- vii) PDRM bekerjasama dengan pihak RHB Capital Berhad dalam program Cegah Jenayah Kanak-Kanak bertemakan "*Reuniting Families*" bagi tujuan mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap jenayah ke atas kanak-kanak. Program ini merupakan usaha sama antara RHB, MCPF dan PDRM;
- viii) PDRM sering mengadakan aktiviti seperti Syarahan, forum, pameran dan aktiviti yang melibatkan kanak-kanak bertemakan keselamatan; dan

NO SOALAN: 58

ix) PDRM juga sering melakukan rondaan di sekitar kawasan perumahan, kedai sekolah dan lain-lain lagi.

2) Portal Kanak-Kanak Hilang / Sistem Nur Alert/ Media Sosial

- i) Pembangunan sistem Nur Alert oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2010 bertujuan menyebarkan maklumat kanak-kanak yang hilang secara serta merta bersama pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan dan badan berkanun bagi mempermudah proses menyelamatkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah. Laman Portal membantu masyarakat menyalurkan maklumat tentang kanak-kanak hilang; dan
- ii) Kerjasama PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi seperti Celcom, DIGi, Maxis dan U-Mobile serta media sosial Facebook dan juga dengan syarikat Grab Malaysia dengan rangkaian seramai 300,000 pemandu Grab Bagi meningkatkan keberkesanan serta perluasan liputan sistem Nur Alert kepada orang awam;

Sebagai rumusan, bagi menangani kes kehilangan kanak-kanak perluasan sistem Nur Alert dengan kerjasama agensi, syarikat telekomunikasi, media massa, media sosial, syarikat korporat adalah diperlukan bagi memastikan maklumat kanak-kanak hilang dapat disebarkan secara segera kepada orang awam. Di samping itu, kesedaran dan tanggungjawab orang awam perlu ditekankan bagi membuat laporan segera kepada Talian Kasih 15999 terhadap sebarang perlakuan mencurigakan agar tindakan segera dapat diambil.

NO SOALAN: 58

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 16 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan isu penghakisan tanah sepanjang Sungai Pegalan di daerah Keningau dengan kadar segera kerana telah menjejaskan tanah sawah dan kebun milik penduduk di 12 buah kampung yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi isu hakisan tanah sepanjang Sungai Pegalan, permohonan Projek Rancangan Pengukuhan Tebing Sungai Pegalan Lembangan Sungai Padas Keningau dengan kos sebanyak RM84 juta telah dimohon dalam RMKe-11. Antara kampung-kampung yang terlibat ialah Kg. Awas-Awas, Kg. Merampong, Kg. Baginda, Kg. Linsudan dan Kg. Durok. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan bagi memberi keutamaan kepada projek-projek yang lain.

Permohonan peruntukan akan dimohon semula dalam RMKe-12 dengan pertambahan kos dan bilangan kampung yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 60

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah subjek futurologi diajar di sekolah dan pusat pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan sentiasa terus mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Oleh yang demikian, penggubalan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang turut merujuk kepada sistem pendidikan berprestasi tinggi lain untuk membina perincian bagi kemahiran khusus dan atribut yang boleh diterapkan kepada murid bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa hadapan.

Melalui kurikulum tersebut, penekanan secara mendalam kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan dalam semua mata pelajaran. Pendekatan KBAT menfokus kepada pembelajaran berasaskan inkuiri, penyelesaian masalah, pembelajaran kontekstual, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan pendekatan STEM. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran ini sangat berkaitan dengan konsep futurologi yang menggalakkan murid dalam pengaplikasian konsep, alat (*tools*), dan proses tertentu yang mampu menggerakkan keupayaan kognitif murid untuk berfikir secara lebih tersusun dan imaginatif sebagai persediaan menghadapi Revolusi Industri 4.0.

NO SOALAN: 60

Manakala di peringkat pendidikan tinggi pula, universiti awam (UA) telah melaksanakan semakan dan transformasi kurikulum penawaran program pendidikan tinggi agar relevan dan terkini mengikut perkembangan semasa dan keperluan guna tenaga Negara. Di samping itu, KPM turut menggalakkan UA untuk menawarkan program atau subjek baharu yang dapat meningkatkan potensi pelajar sama ada kemahiran atau pengetahuan.

Selain itu, cadangan bagi menawarkan subjek berbentuk futurologi boleh membantu graduan dalam memahami segala kebarangkalian yang akan berlaku. Dalam masa yang sama subjek seperti ini lebih sejajar dengan cabang sains sosial. Program akademik yang melibatkan sains sosial banyak ditawarkan di UA seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Perlis. Namun begitu, UA telah diberikan kebebasan dalam merencanakan halatuju dan menentukan program akademik yang bakal ditawarkan mengikut bidang tujahan masing-masing dengan mengambil kira permintaan pasaran kerja dan kehendak industri semasa.

Subjek atau kursus futurologi juga tidak ditawarkan kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti secara khusus buat masa ini. Walau bagaimanapun, pelajar di Politeknik dan Kolej Komuniti sentiasa diberi pendedahan kepada keperluan masa hadapan supaya menjadi graduan yang bersedia untuk masa hadapan atau *future-ready graduates*. Mereka diberi ilmu dan kemahiran supaya sentiasa relevan melalui pendidikan formal dalam kelas, pembelajaran dan pengajaran merentasi kurikulum dan aktiviti luar kelas. Kurikulum yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti adalah

NO SOALAN: 60

berpacuan industri di mana elemen Revolusi Industri 4.0 menjadi pertimbangan utama.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada bayaran pengesahan dokumen oleh Pesuruh Jaya Sumpah akan dinaikkan daripada RM 4.00 kepada RM 10.00 akan dilaksanakan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa pelantikan seseorang Pesuruhjaya Sumpah merupakan kuasa mutlak Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara di bawah subseksyen 11(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*]. Di bawah subseksyen 11(2) Akta 91, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara boleh membuat kaedah-kaedah bagi pelantikan, kelakuan, dan fi yang hendak dikenakan oleh, dan bagi semua perkara yang bersangkutan dengan, Pesuruhjaya Sumpah dan orang yang dilantik olehnya di bawah subseksyen 11(1) Akta 91.
2. Sebelum 1 Mac 2018, undang-undang yang mengawal selia Pesuruhjaya Sumpah di Malaysia ialah Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 [*P.U.(A)71/1993*].
3. Walau bagaimanapun, selaras dengan keperluan undang-undang semasa untuk mengawal selia Pesuruhjaya Sumpah dan perkara yang bersangkutan dengannya, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia telah mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada wakil-wakil Pesuruhjaya Sumpah dari seluruh negara, wakil-wakil dari pihak Jabatan Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguambela Sarawak dan Pertubuhan Undang-Undang Sabah berhubung dengan apa-apa cadangan penambahbaikan baginya.

NO SOALAN: 61

4. Hasil daripada maklum balas yang diterima dan selaras dengan kuasa di bawah subsekyen 11(2) Akta 91, Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara telah bersetuju untuk menggantikan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993 dengan menggubal Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U.(A)67/2018] yang telah kemudiannya diwartakan dan berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

5. Melalui Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018, peruntukan undang-undang mengenai Pesuruhjaya Sumpah telah dikemas kini dan diperkasakan. Antara lainnya, fi yang boleh dikenakan oleh seseorang Pesuruhjaya Sumpah telah dinaikkan daripada RM4 kepada RM10 (bagi affidavit asal dan dokumen ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain), RM2 kepada RM5 (bagi ekshibit yang disebut di dalam affidavit asal, pendua atau salinan affidavit dan pendua atau salinan dokumen termasuk ikrar, akuterimaan, surat ikatan atau surat cara lain) dan RM1 kepada RM2.00 (bagi pendua atau salinan ekshibit).

6. Selain daripada Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018, Pesuruhjaya Sumpah juga diberi kuasa di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783] untuk mengambil dan menerima akuan seperti berikut:

“Form of declaration

2. Any Sessions Court Judge, Magistrate or Commissioner for Oaths, or subject to section 4 of the Notaries Public Act 1959 [Act 115], any notary public appointed under the Notaries Public Act 1959, may take and receive the declaration of any person voluntarily making the declaration in Malay or English in the form in the Schedule.”

NO SOALAN: 61

8. Fi yang perlu dibayar bagi mengambil dan menerima akuan ditetapkan di bawah Perintah (Bayaran) Surat Akuan 1968 [*P.U 506/68*]. Pada masa ini fi ini berkadar RM 4 bagi setiap akuan yang dibuat dan RM 2 bagi setiap ekshibit yang dirujuk dalam akuan. Kadar ini adalah kadar yang ditetapkan melalui pindaan pada tahun 1993 dan setakat ini masih belum dinaikkan ke kadar yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 62

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL
SINGH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status setakat bulan November 2019 berkenaan pemberian kad pengenalan biru kepada 3407 pemegang kad pengenalan merah (bagi kaum India) seperti mana yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan tindakan segera selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018 serta keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018 agar pemegang MyPR berumur 60 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules* 1964 [LN.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa seperti peraturan imigresen, keberadaan yang sah dan lain-lain dipertimbangkan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari 10 Mei 2018 sehingga 30 November 2019, KDN melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima sebanyak 1,611 permohonan daripada pemohon yang berketurunan India. Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 1,006 permohonan oleh pemohon berketurunan India telah dianugerahkan dengan kewarganegaraan Malaysia.

Justeru itu, para pemohon yang telah mendapat kelulusan hendaklah hadir ke JPN bagi mengangkat sumpah selaras dengan Jadual Pertama, Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya membuat pembayaran fi sebelum dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Dalam hal ini, kad pengenalan (MyKad) hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mempunyai Sijil tersebut.

NO SOALAN: 62

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI
MAHAMAD
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datin Rahimah Binti Haji Mahamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prinsip dan tetapan pelaksanaan program pembelajaran di tingkatan empat apabila pengasingan pelajar mengikut aliran sains dan sastera mula dilaksanakan pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menengah atas pada tahun 2020 adalah mengambil kira hasrat PPPM (2013 – 2025) yang melakarkan enam (6) aspirasi murid bagi memenuhi keperluan negara. Sehubungan dengan itu, KPM bertanggungjawab membangunkan potensi murid berdasarkan kecenderungan minat dan kebolehan. Berasaskan kepada pertimbangan tersebut, KPM telah memperkenalkan satu kebijaksanaan baharu iaitu penggabungan beberapa mata pelajaran yang menarik dan berdaya saing sebagai pilihan laluan akademik atau kerjaya setiap murid. Penggabungan ini memberi lebih akses kepada murid untuk membuat pilihan berdasarkan minat dan kecenderungan.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020 sebagai panduan kepada semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah untuk melaksanakan KSSM Menengah Atas. Pihak JPN, PPD dan sekolah telah ditaklimatkan mengenai SPI ini. Taklimat kepada ibu bapa dan murid pula dibuat oleh pihak sekolah semasa pengumuman keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada bulan Disember 2019.

NO SOALAN: 63

Dengan pelaksanaan KSSM Menengah Atas mulai 2020, murid menengah atas perlu mengambil tiga kumpulan mata pelajaran yang dikategorikan sebagai **mata pelajaran teras**, **mata pelajaran wajib** dan **mata pelajaran elektif**.

Mata pelajaran teras ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral. Selain daripada mata pelajaran teras yang mesti diambil oleh semua calon Sijil Pelajaran Malaysia, murid-murid di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan juga dimestikan mempelajari mata pelajaran wajib iaitu Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan.

Pakej baharu menyediakan gabungan mata pelajaran yang fleksibel dan memberi nilai tambah kepada murid untuk menyambung pengajian ke peringkat tertiar seperti universiti, Program Matrikulasi, pengajian Tingkatan Enam, politeknik, kolej komuniti dan institusi lepasan menengah yang lain. Di samping itu, pakej ini juga mengambil kira keperluan badan profesional serta laluan bidang kerjaya yang diminati murid. Terdapat dua pakej mata pelajaran yang dikemukakan iaitu pakej STEM serta pakej Sastera dan Kemanusiaan.

Pihak sekolah juga diberi autonomi dalam menawarkan gabungan mata pelajaran pilihan dengan mengambil kira kemudahan sekolah dan ketersediaan guru opsyen mata pelajaran berkaitan berdasarkan panduan pakej mata pelajaran yang telah disediakan.

NO SOALAN: 63

Murid boleh memilih mata pelajaran elektif mengikut minat dan kecenderungan dengan mengambilkira pencapaian murid dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan ujian psikometrik. Di samping itu, guru kaunseling perlu memainkan peranan dalam membantu murid untuk membuat pilihan mata pelajaran yang sesuai. Murid juga dibenarkan untuk mengambil mata pelajaran daripada kumpulan elektif yang berbeza sebagai tambahan kepada pakej yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, pemilihan mata pelajaran tersebut bergantung kepada kesediaan sekolah.

Bagi tujuan peperiksaan SPM, SPI Bil.1 Tahun 2010: Pelaksanaan Dasar Menghadkan Jumlah Maksimum 10 Mata Pelajaran dan Penambahan 2 Mata Pelajaran Tambahan Mulai Tahun 2020 masih lagi digunakan. Murid dihadkan untuk mengambil 10 mata pelajaran. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberi kepada calon untuk mengambil tidak lebih 2 mata pelajaran tambahan daripada mana-mana mata pelajaran yang telah disenaraikan di dalam SPM kecuali mata pelajaran teras.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah statistik kemalangan jalan raya bagi tahun 2019 dan apakah inisiatif diambil oleh pihak Kementerian dalam mempromosikan pemanduan berhemah di jalan raya susulan kebelakangan ini pelbagai insiden 'viral' pergaduhan di kalangan pengguna jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah statistik kemalangan jalan raya bagi tahun 2019 setakat Oktober 2019 telah mencatatkan sebanyak 5,196 kematian dengan 64% daripada jumlah keseluruhan tersebut adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal.
2. Justeru, Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) memandang serius mengenai perkara-perkara yang boleh mengakibatkan kemalangan jalan raya di Malaysia. JKJR telah menjalankan pelbagai bentuk kempen dan advokasi yang berterusan melalui pelbagai medium seperti Program Minggu Tanpa Advokasi (TMTA) yang dilaksanakan di setiap negeri di seluruh Malaysia. Sehingga November 2019, sebanyak 2800 program telah dilaksanakan.
3. Program-program kesedaran menerusi sesi ceramah dan kempen keselamatan jalan raya di organisasi Kerajaan, swasta, komuniti setempat, di sekolah dan institusi pengajian tinggi turut dilaksanakan. Mesej-mesej peringatan juga dikeluarkan di stesyen-stesyen televisyen menerusi slot wawancara, iklan dan *crawler*, hebahan di radio-radio dan juga media sosial yang dilaksanakan sepanjang tahun bagi mengubah sikap dan mendidik pengguna jalan raya tentang kepentingan keselamatan jalan raya bukan sahaja untuk diri sendiri, namun untuk semua pengguna jalan raya yang lain kerana keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama.

NO SOALAN: 64

4. Pendidikan keselamatan Jalan Raya (PKJR) juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan bagi menanam asas pemanduan berhemah yang kukuh dalam kalangan pengguna jalan raya di Malaysia, bermula di peringkat pra-sekolah. Selain itu, ia secara tidak langsung dapat memberi kesan yang positif kepada ibu-bapa yang merupakan pengguna jalan raya yang sedia ada. PKJR ini telah di ajar secara penyerapan ilmu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bermula 2007 di sekolah rendah dan 2015 di sekolah Menengah. MIROS telah melaksanakan projek pembangunan semula Modul PKJR dibawah RMK-11 bagi pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) selaku pemilik projek bersama-sama dengan pemegang taruh yang lain. Projek tersebut yang dikenali sebagai Projek Semakan dan Pembangunan Semula Modul PKJR dijalankan bagi memperbaharui isi kandungan modul supaya bersesuaian dengan teknologi masa kini dan selaras dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

5. Kementerian Pengangkutan juga menggalakkan penggunaan teknologi seperti peranti telematik (telematic devices) juga boleh digunakan untuk mengawal dan menilai pemanduan. Peranti ini dapat mengenalpasti pemandu yang berhemah dengan memberi pemarkahan berdasarkan cara pemanduan.

6. Di samping itu, penggunaan kamera di dalam kenderaan bas ekspres yang beroperasi di Genting dan Cameron Highland adalah digalakkan di bawah Industrial Code of Safety Practice (ICOP, 2013) bagi membantu dalam pemantauan dan pengawasan pemandu di jalan raya di Malaysia. Dengan adanya pengawasan kamera dalam kenderaan ini, sedikit sebanyak

NO SOALAN: 64

dapat membuatkan pemandu memandu dengan lebih berhemah di atas jalan raya. Kamera dalam kenderaan juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan atau bahan bukti sekiranya berlaku kemalangan atau berhadapan dengan 'reckless drivers' (pemandu cuai) dan 'road bully' (pembuli jalanan). Dengan adanya pengawasan kamera dalam kenderaan, sedikit sebanyak dapat membuatkan pemandu dan pengguna jalan raya yang lain untuk lebih berhemah di jalan raya.

7. Pihak Kerajaan sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya NGO, pihak swasta dan orang awam dalam membantu mempelbagaikan kempen keselamatan jalan raya dan meyebarluaskan maklumat dan kempen-kempen yang telah dan akan diadakan oleh pihak JKJR.

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

Statistik Jumlah Kematian Akibat Kemalangan Setakat Oktober 2019
Mengikut Jenis Kategori Pengguna Jalan Raya

Jenis Pengguna	2016	2017	2018	2019 (Jan-Okt)
Motosikal	4,485	4,348	4,128	3,325
Motokar	1,489	1,269	1,167	1,034
Pejalan Kaki	511	441	407	337
Lori	186	199	192	160
Lain Kenderaan	122	123	94	92
Basikal	123	162	122	87
Pacuan 4 Roda	142	113	88	66
Van	65	62	47	45
Bas	29	23	39	23
Jumlah	7,152	6,740	6,284	5,169

Sumber: Polis Diraja Malaysia (PDRM)

NO SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap usaha-usaha pengharaman penjualan rokok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rokok merupakan komoditi yang sah diperdagangkan dan telah terikat dengan pelbagai perjanjian antarabangsa. Rokok konvensional yang digunakan oleh kebanyakan perokok telah terbukti dapat membunuh lebih dari separuh penggunanya. WHO telah menubuhkan *Framework Convention on Tobacco Control* bagi mengawal penggunaan tembakau dari pelbagai aspek. Bagi mengawal penggunaan dan melindungi orang awam dari bahaya produk tembakau, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 yang terletak di bawah Akta Makanan 1983 telah diwujudkan. Akta tersebut mengawal dari pelbagai aspek termasuk promosi, amaran kesihatan bergambar, penjualan dan kawasan larangan merokok.

Bagi mengharamkan rokok di dalam sesebuah negara, memerlukan kekuatan politik yang kukuh disebabkan pelbagai perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh Malaysia. Namun dari segi kesihatan, pengharaman produk tembakau merupakan cara terbaik untuk melindungi rakyat Malaysia dari bahaya yang disebabkan oleh produk tembakau.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah kesannya modul keibubapaan datuk nenek yang baru-baru ini dilancarkan di Alor Setar Kedah pada Ogos lalu. Adakah modul ini akan di perembangkan ke seluruh negara dalam masa terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Modul ini dilaksanakan dengan kerjasama dengan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) JKM serta NGO warga emas. Sejak dilaksanakan pada tahun 2018 sehingga November **2019** sebanyak **29 program** telah dilaksanakan di mana seramai **836 orang warga emas** telah mendapat manfaatnya. Berdasarkan daripada **penilaian pra dan pasca program** tahun 2019, **99.6%** peratus daripada peserta amat berpuas hati dan menyatakan modul ini dapat membantu mereka memahami dan berkomunikasi dengan anak cucu mereka.

Pihak Kementerian menerusi LPPKN akan memperluaskan program ini dengan kerjasama pihak NGO dan PAWE di seluruh negeri pada tahun 2020. Usaha ini juga merupakan salah satu inisiatif pihak Kementerian bagi memastikan datuk dan nenek dapat mengoptimumkan peranan mereka khusus untuk faedah kesejahteraan diri mereka sendiri serta generasi anak dan cucu mereka.

Hubungan antara generasi di antara datuk nenek dan cucu akan dapat dipertingkatkan melalui tunjuk ajar berasaskan pengalaman daripada datuk nenek yang berjaya memainkan peranan mereka dengan berkesan. Ini secara tidak langsung mendekatkan jurang antara generasi dan yang paling penting penerapan nilai-nilai murni dapat diterapkan oleh datuk nenek kepada generasi muda khususnya cucu-cucu mereka.

NO SOALAN: 66

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam mengkaji semula Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 bagi meningkatkan kecekapan proses dan peraturan peminjaman duit bagi mencegah aktiviti peminjam haram.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk memenuhi ekspektasi dan keperluan peminjam serta memastikan agar pihak pemegang taruh sentiasa terpelihara. Justeru, KPKT sedang dalam tindakan untuk mengkaji semula Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan bercadang untuk memansuhkan Akta ini dan menggantikannya dengan Rang Undang-undang Kredit Pengguna (RUUKP).
2. Penggubalan RUUKP ini adalah bertujuan sebagai suatu wadah kawal selia yang baharu dalam perlindungan pengguna bagi aktiviti pemberian kredit konvensional dan patuh syariah untuk tujuan peribadi, domestik atau isi rumah. Bagi tujuan ini, penggubalan RUUKP diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sepertimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017. Hal ini adalah kerana kepenggunaan merupakan salah satu bidang tugas KPDNHEP dan RUUKP ini menggabungkan kesemua akta-akta berkaitan dengan pengguna, antaranya termasuklah Akta Sewa Beli 1967, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972. Penggubalan RUUKP ini turut

NO SOALAN: 67

melibatkan kerjasama KPKT, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) serta Kementerian Kewangan (MOF).

3. RUUKP akan memasukkan elemen-elemen baharu bagi memastikan kecekapan proses pemberi kredit dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:
 - i. kawal seliaan bagi semua aktiviti pemberi kredit yang bukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 bagi mengelakkan aktiviti peminjaman wang haram;
 - ii. perlindungan kepada pengguna dalam aktiviti pemberi kredit termasuklah kehendak mengemukakan maklumat pengiklanan yang tepat dan tidak mengelirukan, larangan pengenaan caj pembiayaan dan penetapan terma kontrak yang tidak wajar, amalan beretika berkaitan pengutipan hutang dan pemilikan semula serta memberi peluang kepada pengguna kredit yang mengalami kesulitan kewangan atas sebab-sebab yang munasabah di luar jangkaan dan kawalannya seperti mengidap penyakit kronik, kehilangan sumber pendapatan, kematian ketua keluarga dan lain-lain; dan
 - iii. peruntukan khusus untuk kawalan terhadap pembiayaan patuh syariah bagi institusi kewangan yang bukan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

NO SOALAN: 67

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, beberapa sesi perbincangan dan libat urus dengan pihak berkepentingan mengenai penggubalan RUUKP yang diterajui oleh KPDNHEP telah dilaksanakan pada tahun 2019 seperti berikut:
- i. Sesi sumbang saran dengan Kementerian, Agensi dan Pihak Berkuasa Negeri pada 19 Februari 2019;
 - ii. Sesi sumbang saran dengan NGO pada 22 April 2019;
 - iii. Sesi sumbang saran dengan pihak industri kredit pada 24 Jun 2019; dan
 - iv. Sesi libat urus dengan Kementerian dan Agensi berkaitan mulai 29 September hingga 1 Oktober 2019.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Manolan bin Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status permohonan Dewan Serba guna Orang Ramai yang dimohon oleh Batin-batin dan Pengerusi MPKKOA dari Kampung Bukit Rok dan Kampung Ibam, Bera Pahang pada Mei 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

JAKOA komited memastikan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli disediakan dengan lengkap untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli secara amnya.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini dua (2) buah kampung Orang Asli tersebut telah disediakan dengan kemudahan asas yang lain seperti balai raya, TABIKA, surau dan padang permainan untuk kemudahan kepada 324 Ketua Isi Rumah (KIR) dan 1,253 Ahli Isi Rumah (AIR)

Setelah semakan dibuat mengenai permohonan Dewan Serbaguna Orang Ramai di Kampung Orang Asli Bukit Rok dan Kampung Orang Asli Ibam, Daerah Bera, Pahang didapati tiada lagi permohonan oleh Batin-batin dan Pengerusi MPKKOA secara rasmi yang dikemukakan kepada JAKOA.

Walaupun bagaimanapun, JAKOA bersedia untuk mempertimbangkan pelaksanaan projek Dewan Serbaguna Orang Asli di kampung tersebut bagi tahun 2020 mengikut keutamaan dan keperluan yang tertakluk kepada jumlah peruntukan yang diterima.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Alan Ling Sie Kiong minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kumpulan-kumpulan pengganas (terrorist) dan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kumpulan-kumpulan pengganas tersebut serta langkah-langkah pencegahan yang diambil bagi mengelakkan orang ramai daripada terpengaruh atau terpedaya dengan kumpulan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri telah menyenaraikan 28 kumpulan sebagai kumpulan pengganas di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001(Akta 613). Senarai kumpulan ini diwartakan sebagai pemberitahuan kepada masyarakat mengenai kumpulan berkenaan.

Penyenaraian kumpulan tersebut dibuat berdasarkan maklumat dan penilaian yang dibuat oleh polis bahawa kegiatan kumpulan tersebut boleh memberikan ancaman keselamatan kepada negara.

Dalam usaha menangani ancaman dan pengaruh kumpulan-kumpulan ini, pihak PDRM serta agensi-agensi penguatkuasaan yang lain sentiasa menguatkuasakan undang-undang secara konsisten bagi memastikan ancaman dari kumpulan-kumpulan ini dapat dibanteras sepenuhnya. Antara undang-undang yang digunakan ialah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA).

Selain itu, pelbagai program kesedaran telah dilaksanakan bagi memastikan elemen negatif kumpulan-kumpulan ini dapat dicegah daripada meresapi dan mempengaruhi pemikiran orang ramai terutamanya golongan pelajar dan belia. Program kesedaran ini diadakan melalui pelbagai medium bagi

NO SOALAN: 69

menerangkan konteks jihad yang sebenar, bahaya fahaman ekstrem dan kesan negatif terlibat dalam keganasan.

Selain itu, kandungan media-media sosial turut dipantau bagi memastikan penyebaran kandungan-kandungan yang negatif berkaitan fahaman radikal dan ekstrem dapat disekat dan media sosial tidak disalahgunakan bagi tujuan mempromosikan keganasan.

Usaha memerangi ancaman ini memerlukan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak di segenap peringkat. Sebagai contoh, kerjasama turut diadakan dengan pihak swasta dalam pelbagai program dan kempen kesedaran mengenai implikasi negatif fahaman ekstrem dan radikal.

Sekian, terima kasih.

[MAKLUMAT TAMBAHAN]**SENARAI KUMPULAN-KUMPULAN PENGGANAS**

BIL	NO. RUJUKAN	KUMPULAN
1.	KDN.K.1-2013	JEMAAH ISLAMIYAH
2.	KDN.K.2-2013	TANZIM AL-QAEDA MALAYSIA
3.	KDN.K.3-2013	JABHAT AL-NUSRA
4.	KDN.K.4-2013	TANZIM AL-QAEDA SOUTH EAST ASIA (TAQSEA)
5.	KDN.K.01-2014	KUMPULAN ABU SAYYAF
6.	KDN.K.02-2014	LIBERATION TIGERS OF TAMIL EELAM (LTTE)
7.	KDN.K.03-2014	JEMAAH ANSHORUT TAUHID
8.	KDN.K.04-2014	MUJAHIDIN INDONESIA TIMOR (MIT)
9.	KDN.K.05-2014	ISLAMIC STATE (IS)
10.	KDN.K.06-2014	EAST TURKISTAN ISLAMIC MOVEMENT (ETIM)
11.	KDN.K.07-2014	BABBAR KHALSA INTERNATIONAL (BKI)
12.	KDN.K.08-2014	AL-SHABAB
13.	KDN.K.09-2014	AL-QAEDA IN ARABIAN PENINSULA (AQAP)
14.	KDN.K.10-2014	AL-QAEDA IN THE ISLAMIC MAGHRIB (AQIM)
15.	KDN.K.11-2014	BOKO HARAM (BH)
16.	KDN.K.12-2014	DARUL ISLAM MALAYSIA (DIM)

NO SOALAN: 69

17.	KDN.K.13-2014	AJNAD AL SYAM (AAS)
18.	KDN.K.14-2014	ARAKAN DAULAH ISLAMIAH (ADI)
19.	KDN.K.01-2016	KATIBAH NUSANTARA
20.	KDN.K.02-2016	JUND AL-AQSA
21.	KDN.K.1-2019	MILITAN MAUTE
22.	KDN.K.2-2019	ANSAR KHALIFA PHILIPPINES (AKP)
23.	KDN.K.3-2019	BANGSAMORO ISLAMIC FREEDOM FIGHTERS (BIFF)
24.	KDN.K.4-2019	ISLAMIC STATE OF IRAQ AND THE LEVANT-SINAI PROVINCE (ISIL-SP)
25.	KDN.K.5-2019	HEZBOLLAH
26.	KDN.K.6-2019	MILITAN HOUTHY
27.	KDN.K.7-2019	JAMAAT-UL-MUJAHIDEEN
28.	KDN.K.8-2019	ARAKAN ROHINGYA SALVATION ARMY (ARSA)


NO SOALAN: 69**STATISTIK PELAKSANAAN PROGRAM PENDEDAHAN DAN KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT TERHADAP ANCAMAN KESELAMATAN NEGARA (OUTREACH PROGRAM) BAHAGIAN E8 SEHINGGA OKTOBER 2019**

KONTINJEN	2014	2015	2016	2017	2018	2019
BUKIT AMAN	61	183	356	92	92	66
PERLIS	-	-	-	5	-	-
KEDAH	-	-	-	30	20	3
PULAU PINANG	-	-	-	28	3	-
PERAK	-	-	-	17	8	-
KUALA LUMPUR	-	-	-	18	5	5
SELANGOR	-	-	-	8	5	-
PAHANG	-	-	-	14	7	-
TERENGGANU	-	-	-	34	9	-
KELANTAN	-	-	-	15	7	2
NEGERI SEMBILAN	-	-	-	32	24	-
MELAKA	-	-	-	20	5	3
JOHOR	-	-	-	28	4	-
SABAH	-	-	-	39	12	8
SARAWAK	-	-	-	42	14	-
JUMLAH	61	183	356	422	215	87

JUMLAH TERKUMPUL DARI TAHUN 2014 SEHINGGA 2019: 1,324 PROGRAM

NO SOALAN: 69

PECAHAN SASARAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDEDAHAN DAN KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT TERHADAP ANCAMAN KESELAMATAN NEGARA (OUTREACH PROGRAM) BAHAGIAN E8



NO SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L
SOMASUNDARAM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan yang disalurkan melalui MITRA kepada NGO dan agensi yang mengendalikan program-program untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jawapan bagi soalan seumpama ini telahpun saya jelaskan di Dewan yang mulia ini pada 9 Disember 2019. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya ingin saya jelaskan bahawa sehingga 26 November 2019, MITRA telah meluluskan 206 permohonan dengan nilai kelulusan sebanyak RM99,375,199.20. Kesemua 206 permohonan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan penyaluran peruntukan.

Senarai nama-nama penerima geran dan nilai peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2019 adalah panjang, justeru saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan mengenai lambakan batik Indonesia yang seolah-olah seperti tidak terkawal dan tiada penguatkuasaan undang-undang. Apakah tindakan Kerajaan terhadap situasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk menjaga usahawan batik serta menangani lambakan batik Indonesia. Akta Kastam 1997 (Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017) Bahagian III Jadual Kedua, Larangan bersyarat kecuali di bawah lesen import dan tidak terpakai bagi Labuan, Langkawi, Tioman dan zon bebas yang dinyatakan telah menyenaraikan kain sarong batik (*by traditional batik process*) sebagai salah satu produk larangan import. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) juga sentiasa berusaha untuk menjaga kepentingan usahawan batik melalui pelaksanaan aktiviti berikut :

i. Kempen Kesedaran dan Penggunaan Batik Malaysia

Kraftangan Malaysia akan mengadakan pameran dan kempen berkaitan Batik Malaysia semasa penganjuran program/aktiviti promosi seperti Festival Kraf Johor 2019 (Disember), Festival Kraf Tekstil Pantai Timur (Januari 2020), Hari Kraf Kebangsaan 2020 dan program/aktiviti promosi yang lain. Kempen ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada orang ramai mengenai ciri-ciri produk batik tempatan dan menggalakkan penggunaan serta pemakaian batik Malaysia di kalangan masyarakat. Pelaksanaan kempen ini juga akan disebarluas menggunakan media elektronik, sosial dan cetak.

NO SOALAN: 71

ii. Kebolehcapaian produk batik dalam kalangan masyarakat

Bagi meningkatkan kebolehcapaian produk batik tempatan di pasaran, Program Pemasaran Kraf iaitu Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kraf Tekstil Pantai Timur, Festival Kraf Tekstil Borneo Sabah dan Sarawak, Festival Kraf Johor, Promosi di Pusat Beli-Belah, Festival Kraf Malaysia serta promosi di peringkat negeri telah dilaksanakan. Produk batik tempatan ini ditawarkan secara langsung oleh usahawan kepada pembeli dan pengunjung. Produk batik turut dipasarkan di *outlet-outlet* usahawan yang berdaftar di bawah program Kraftangan Malaysia, *outlet* Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd, Pusat Jualan Kraf di seluruh negeri dan tiga (3) Kompleks Kraf di Kuala Lumpur, Langkawi dan Johor.

ii. Membangunkan dan mempelbagaikan produk batik

Seiring arus kemodenan, rekaan produk batik yang dihasilkan adalah mengikut kehendak dan cita rasa pasaran terkini menerusi motif serta rekaan baru yang kontemporari. Kraftangan Malaysia juga telah mempelbagaikan penghasilan produk batik mengikut segmen seperti Produk Pelancongan, Fesyen dan Aksesori, Alatan dan Kelengkapan Rumah serta Hadiah dan Cenderamata Korporat.

Bagi mempertingkatkan kualiti produk batik tempatan, Standard MS 692:2007 (Batik Malaysia) telah diperkenalkan pada tahun 2016. Standard ini telah dibangunkan dengan kerjasama SIRIM dan Jabatan Standard Malaysia yang mana ianya menentukan definisi, keperluan

NO SOALAN: 71

bahan, spesifikasi teknik, proses-proses, kaedah ujian dan tugas perlabelan tekstil yang ditakrifkan sebagai “Batik Malaysia”.

iii. Membangun dan memperkasa komuniti kraf batik

Bagi menggalakkan penghasilan batik tempatan, Kraftangan Malaysia telah melaksanakan Projek Kraf Komuniti Ku (KKK) untuk membangunkan komuniti setempat menjalankan perusahaan kraf batik tempatan. Sehingga kini, Kraftangan Malaysia telah melaksanakan empat (4) Projek Kraf Komuniti Ku (KKK) dengan penglibatan seramai 578 orang komuniti batik dan lima (5) Projek Semarak Kraf dengan penglibatan seramai 126 orang komuniti batik. Projek ini secara langsung dapat meningkatkan bilangan komuniti kraf batik dan mempelbagaikan penghasilan produk batik untuk ditawarkan di pasaran. Bagi meningkatkan bilangan belia berkemahiran dalam bidang batik, Kraftangan Malaysia telah menawarkan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bidang batik di IKN khususnya kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan belia mulai Julai 2019.

iv. Penggunaan pakaian batik Malaysia sebagai pakaian rasmi bagi acara peringkat Kebangsaan

Kraftangan Malaysia sedang giat melaksanakan inisiatif penggunaan batik tempatan sebagai pakaian rasmi bagi acara-acara di peringkat kebangsaan. Ianya dapat membantu menggalakkan pemakaian batik tempatan dimulai dalam kalangan pemimpin tertinggi negara dan seterusnya kepada rakyat Malaysia. Sehingga kini, batik Malaysia

NO SOALAN: 71

telah dijadikan sebagai pakaian rasmi semasa Sambutan Hari Kebangsaan dan digayakan oleh Perdana Menteri Malaysia bersama barisan Menteri-Menteri Kabinet.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Haji Husain Bin Awang minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha Kerajaan dalam mengatasi masalah perubahan iklim bagi mengurangkan risiko pemanasan global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu perubahan iklim yang mengakibatkan fenomena pemanasan global merupakan isu yang hangat dibincangkan di peringkat antarabangsa dan nasional. Perubahan iklim dan pemanasan global telah dikenalpasti oleh masyarakat global sebagai fenomena yang akan menjejaskan sekuriti sumber bekalan makanan, sumber air bersih, infrastuktur dan pembangunan ekonomi serta sosio-kebudayaan dunia. Di peringkat nasional, kesan fenomena tersebut turut dirasakan melalui perubahan musim hujan dan musim kemarau yang berpanjangan serta fenomena gelombang panas yang menyebabkan masalah kesihatan, kerosakan infrastruktur, kehilangan nyawa dan impak negatif kepada alam semula jadi.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia dan 195 negara lain telah mempersetujui *Paris Agreement* semasa Persidangan Ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 12 Disember 2015 sebagai usaha di peringkat global bagi menangani isu perubahan iklim. Matlamat utama Paris Agreement adalah untuk menghadkan peningkatan suhu purata dunia kepada 2.0 darjah Celcius. Malaysia telah menandatangani Paris Agreement pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016.

NO SOALAN: 72

Antara tindakan susulan *Paris Agreement* yang perlu dilaksanakan oleh semua negara Parti kepada perjanjian tersebut adalah menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contributions* (NDC) setiap 5 tahun sekali.

Menurut NDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*), iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Setakat ini, Malaysia telah berjaya mengurangkan intensiti pelepasan karbon sebanyak 33% berbanding dengan tahap 2005. Oleh itu, kita agak selesa untuk mencapai sasaran *Paris Agreement* memandangkan masih ada lagi 11 tahun ke 2030. Oleh itu, Malaysia sedang mengkaji semula *Nationally Determined Contribution* dengan izin (NDC) kita dan sasaran baru, sekiranya saya, akan diumumkan di Conference of Party COP 26 UNFCCC pada tahun 2020 di Glasgow, UK.

Dalam persediaan kami untuk menghadapi perubahan iklim, terdapat dua aspek yang perlu dilihat dengan teliti – mitigasi dan adaptasi.

NO SOALAN: 72

Mitigasi merangkumi cara kami mengurangkan pelepasan karbon dengan tujuan menghadkan kenaikan suhu global. Adaptasi merangkumi cara kita menangani atau menyesuaikan diri kepada impak daripada perubahan iklim seperti peningkatan suhu global; perubahan pola hujan; peningkatan paras laut; peningkatan kekarapan cuaca ekstrem; gangguan terhadap rantai makanan; kerosakkan ekosistem dan sebagainya. Sebenarnya, *World Economic Forum* dengan izin telah mengenal pasti perubahan iklim sebagai salah satu risiko kewangan terbesar yang akan dihadapi oleh organisasi di seluruh dunia, lebih serius daripada ancaman penipuan data, kecurian dan serangan siber.

Tuan Yang di-Pertua,

Perubahan iklim adalah satu isu kompleks yang merentas pelbagai bidang dan sektor seperti tenaga, pertanian, pengangkutan, industri, perhutanan, kesihatan awam, sumber air, pemuliharaan biodiversiti dan lain-lain lagi. Pelaksanaan tindakan bagi menangani kesan perubahan iklim di dalam negara dibuat melalui Kementerian dan Agensi Kerajaan yang berkaitan berdasarkan fungsi dan bidang kuasa masing-masing.

Bagi menangani isu ini secara sistematik, kita perlu membina kerangka kerja institusi serta pengawalseliaan langkah adaptasi dan mitigasi. Kita memerlukan Pusat Perubahan Iklim Kebangsaan untuk menyeleraskan tindakan menangani perubahan iklim – dari pengumpulan data, analisa risiko, kerjasama antarabangsa, pelaporan data perubahan iklim, serta mewujudkan kerangka tindakan bagi setiap peringkat kerajaan – sama ada di peringkat persekutuan, negeri, tempatan dan antara kementerian.

NO SOALAN: 72

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Baru-baru ini di Ekspo *IGEM (International Green Technology and Eco-products Exhibition and Conference)*, YAB Perdana Menteri telahpun melancarkan penubuhan *Malaysia Green Technology and Climate Change Centre (MGCC)* Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia. MGCC adalah hasil daripada penstrukturan semula agensi MESTECC, *Malaysia Green Technology Corporate (MGTC)*.

Daripada menubuhkan satu agensi baru yang akan memerlukan dana tambahan daripada kerajaan, MESTECC telah berjaya mengoptimumkan fungsi dalaman kementerian dan menyerap fungsi pusat perubahan iklim ini ke dalam agensi sedia ada. Pada masa yang sama, Majlis Kordinasi Kebangsaan Adaptasi dan Mitigasi Perubahan Iklim juga akan ditubuhkan.

MGCC dan majlis ini akan berfungsi sebagai *focal point* dengan izin, bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di Malaysia.

Pembiayaan MGCC

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun MGCC tidak diberikan peruntukan bagi tahun 2020, namun, ianya akan dibiayai melalui peruntukan semula sebanyak RM10 juta daripada penjimatan perbelanjaan kementerian MESTECC sendiri pada tahun 2019.

NO SOALAN: 72

Selain daripada peruntukan RM 10 juta, MESTECC juga akan giat membina kapasiti untuk *leverage on* (dengan izin) dana antarabangsa seperti *Global Environment Facility* (GEF) dan *Green Climate Fund* (GCF), dan melalui program-program kerjasama dengan syarikat-syarikat swasta dan juga kerjasama Antarabangsa.

Contoh-contoh kerjasama antarabangsa MESTECC dengan pihak luar negara adalah Program Kerjasama *International Climate Finance UK Partnering for Accelerated Climate Transitions* (ICF UK Pact) yang telah dilancarkan oleh saya bersama dengan British High Commissioner HE Charles Hay dan UK Special Envoy for Climate Change pada 16 Mei 2019.

Di antara aktiviti-aktiviti kerjasama yang akan dilaksanakan di bawah program ini adalah kajian skop rangka kerja institusi dan perundangan untuk perubahan iklim, peningkatan kapasiti melalui ajaran dan peminjaman kakitangan teknikal, dan penyesuaian UK 2050 Pathway Carbon Calculator dengan keadaan Malaysia.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Pecahan pelepasan gas rumah kaca mengikut sektor menunjukkan bahawa penggunaan bahan api fosil bagi tujuan menjana tenaga, termasuk elektrik, pengangkutan, dan termal (pemanasan dan penyejukan) merupakan punca utama atau *key source* dengan izin, dan menghasilkan 80% daripada inventori gas rumah kaca Malaysia. Punca-punca yang lain hanya berjumlah 20% daripada inventori gas rumah kaca Malaysia, iaitu Pengurusan sisa –

NO SOALAN: 72

9%, Proses Industri – 6%, Pertanian – 4%, dan Perubahan guna tanah – 1%.

Oleh sebab itu adalah wajar supaya usaha-usaha mitigasi untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca ditumpukan terlebih dahulu kepada sektor tenaga, iaitu melalui peningkatan Tenaga Boleh Baharu (TBB atau RE) dan pengamalan Kecekapan Tenaga (EE).

TENAGA BOLEH BAHARU (TBB)

Bagi aspek TBB, pada Julai 2018 saya telah mengumumkan sasaran baru kerajaan baru seperti yang dijanjikan manifesto Pakatan Harapan untuk meningkatkan tenaga boleh baharu dalam campuran elektrik dari 2% kepada 20% menjelang 2025, di mana 20% ini tidak termaksud penjanaan kuasa hydro besar melebihi 100 MW.

Untuk mencapai sasaran tenaga boleh baharu sebanyak 20% menjelang 2025, selain kapasiti terpasang kini sebanyak 2.057 GW serta projek yang diluluskan 2.806 GW, kami memerlukan projek penjanaan tenaga boleh baharu sebanyak 4.100 GW. Erti kata, dari kini sehingga 2025, kita akan melihat penambahan sebanyak 6.906 GW ke dalam sistem untuk memenuhi permintaan elektrik yang makin meningkat.

Terdapat tiga dasar yang telah diperbaharui oleh kerajaan baru untuk mencapai sasaran ini, iaitu mekanisme *Feed-in-Tariff* (FiT), *Net Energy Metering* (NEM), dan Program Solar Berskala Besar (LSS). Izinkan saya di sini menjelaskan pencapaian kita dalam masa satu tahun pentadbiran ini.

NO SOALAN: 72

Mekanisme Feed-in-Tariff

Mekanisme *Feed-in-Tariff* adalah mekanisme di mana kerajaan membayar premium untuk membeli tenaga boleh diperbaharui melalui Akaun Amanah Tenaga Boleh Baharui (RE Fund) dan telah dilaksanakan sejak 2011.

Sejak Julai 2018, kami telah membatalkan 389 projek FiT tidak kompetitif (*non-performing projects*) dan ini telah berjaya menjimatkan RE fund sebanyak RM2.16 bilion.

Penjimatan ini membolehkan kerajaan untuk membuka untuk membuka lebih daripada 160 MW kuota FiT kepada tenaga boleh baharui bukan solar seperti biomas, biogas dan hidro kecil.

Selain itu, pada bulan November tahun 2018, buat kali pertama dalam sejarah FiT, kami telah melancarkan sistem e-bidaan untuk mengagihkan kuota biogas FiT dan tahun ini kami telah memperluaskannya kepada kuasa hidro mini.

Dengan bidaan kompetitif, kami mampu mendapat harga bidaan yang lebih rendah daripada kadar FiT yang dijadualkan justeru membenarkan kami mengagihkan lebih banyak kuota FiT kepada pengusaha TBB.

Net Energy Metering

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mempunyai 3.2 juta hartanah kediaman, 450, 000 lot komersial, 90,000 kilang teres, 21,000 kilang tunggal dan seribu pusat beli belah.

NO SOALAN: 72

Dasar *Net Energy Metering* mampu merealisasikan potensi penjanaan kuasa solar daripada bumbung-bumbung sedia ada ini – *unlocking the potential of rooftop solar*. Melalui skim ini, pengguna yang memasang sistem penjanaan kuasa solar atas bumbung mereka boleh menjual lebih tenaga kembali kepada TNB.

Program ini dimulakan pada tahun 2016 tetapi sehingga 2018, kadar penyertaan skim ini agak rendah disebabkan harga jualan balik kepada TNB yang amat rendah iaitu pada *displaced cost*. Oleh itu, pada Oktober 2018, kami telah mengumumkan penambahbaikan kepada NEM 2.0 di mana pengguna akan menjual balik tenaga kepada TNB pada kadar *1-on-1 offset basis*. Dengan ini, pengguna-pengguna yang memasang panel solar atas bumbung boleh menurunkan bil elektrik mereka secara signifikan.

Di samping itu, kerajaan juga akan melanjutkan Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance - GITA*) sehingga 2023 seperti yang diumumkan oleh YB Menteri Kewangan. GITA memberi elaun cukai kepada syarikat-syarikat ke atas perbelanjaan CAPEX pemasangan teknologi hijau termaksud sistem solar atas bumbung.

Penjimatan bil elektrik daripada NEM 2.0 bersama dengan GITA membolehkan pemasangan sistem solar atas bumbung menjadi suatu pelaburan yang cukup berbaloi terutamanya di premis komersial dan industri yang memiliki bumbung besar, di mana *pay back period* adalah 3 hingga 5 tahun sahaja. Perbelanjaan CAPEX (tolak elaun cukai) mampu dibayar balik oleh penjimatan bil elektrik selepas 3-5 tahun dan pengguna elektrik boleh menikmati penjimatan bil elektrik pada tahun-tahun yang seterusnya. Syarikat bukan sahaja boleh dapat menjadi lebih mesra alam, ia juga akan membawa penjimatan kewangan.

NO SOALAN: 72

Untuk pengguna elektrik yang tidak mampu membayar peberlanjaan CAPEX tetapi ingin memasang panel solar, Kerajaan telah memperbaharui dasar untuk menggalakan pajakan solar (*solar leasing*).

Pada Oktober 2018, saya telah mengumumkan penambahbaikan kepada dasar pajakan solar (*solar leasing*) melalui pembaharuan polisi *Supply Agreement of Renewable Energy (SARE)*, bagi membolehkan pengguna menikmati manfaat solar tanpa memerlukan jumlah wang pendahuluan yang tinggi, iaitu zero upfront cost.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Belanjawan ini memberi suntikan yang memberangsangkan kepada industri solar leasing di Malaysia, kerana telah merangkumi pengusaha pajak solar (*solar leasing companies*) dalam GITE (*green income tax exemption*), di mana mereka akan menikmati pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak polisi NEM 2.0 bermula pada bulan Januari, kami telah melihat peningkatan pengguna program NEM yang amat menggalakkan. Dalam 9 bulan ini, kapasiti NEM 2.0 yang telah diluluskan adalah 3 kali ganda jumlah yang diluluskan 3 tahun di bawah dasar lama antara 2016- 2018. Saya amat yakin dengan pelanjutan GITA dan GITE ke tahun 2023 dan peluasan GITE kepada *solar leasing companies*, NEM dan solar atas bumbung akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada tahun 2020.

Dasar NEM ini juga telah dilanjutkan kepada negeri Sabah dengan kuota sebanyak 50MW untuk tempoh 10 tahun dengan perbelanjaan tambahan sebanyak RM13 juta yang akan dibiayai melalui Akaun Amanah Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

NO SOALAN: 72

Tuan Yang di-Pertua,

LSS

Saya ingin memaklumkan kepada dewan yang mulia ini bahawa teknologi tenaga boleh baharui makin matang, harganya juga makin kompetitif. Sebagai contoh, harga satu panel solar telah menurun sebanyak 80% sejak 2009.

Impak harga kompetitif ini ternyata dalam bidaan terbuka projek solar berskala besar (LSS) yang baru sahaja ditutup dan yang kini di peringkat *technical evaluation* dengan izin dan pembida yang berjaya akan diumumkan oleh Suruhanjaya Tenaga pada akhir tahun ini.

Namun begitu, saya ingin menarik perhatian kepada kedudukan harga yang ditawarkan oleh pembida. Empat projek paling murah yang merangkumi 365 MW daripada 500 MW, telah menawarkan harga kurang daripada 23.22 sen per kWh, iaitu purata kos penjanaan loji kuasa gas di Malaysia.

Buat kali pertama dalam sejarah Malaysia, tenaga boleh diperbaharui mencatatkan kos generasi yang lebih murah daripada kos penjanaan gas.- iaitu bahan api fosil.

Saya yakin ini hanya permulaan. Kami akan membuka satu lagi pusingan 500MW pembidaan LSS pada tahun depan dengan spesifikasi penawaran yang diharapkan akan mengurangkan kos lagi terutamanya dengan menggunakan tanah kerajaan negeri dan tanah yang kini tidak digunapakai seperti kolam perlombongan.

Bukan sahaja perkembangan industri TBB boleh menurunkan pelepasan karbon, tetapi belanjawan ini amat tepat dalam mengenalpasti sektor hijau sebagai industri baru Malaysia (*green sector as the new frontier of growth*)

NO SOALAN: 72

untuk mencipta peluang perkerjaan, menarik pelaburan serta meningkatkan aktiviti perniagaan.

Untuk makluman dewan yang mulia ini, sasaran baru 20% TBB dalam campuran elektrik menjelang 2025 dianggar boleh membawa pelaburan setinggi RM33.2 billion serta mencipta lebih daripada 100,000 peluang pekerjaan. *It's killing two birds with one stone*, dengan izin. Bukan sahaja kita dapat mencapai objectif alam sekitar tetapi juga dapat memperkembangkan ekonomi pada yang sama.

Oleh itu, MESTECC dan Kerajaan akan terus komited untuk membangunkan industri TBB di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kecekapan Tenaga

Selain daripada penggunaan TBB, Kecekapan Tenaga (EE) merupakan kaedah yang amat berkesan bagi tujuan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca. Belanjawan 2020 juga telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengimplimentasi program *Energy Performance Contracting* (EPC) untuk sektor kerajaan.

Melalui EPC, syarikat swasta boleh menjalankan projek retrofit di bangunan-bangunan kerajaan untuk menaik taraf kecekapan penggunaan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan, dan penjimatan kos tenaga akan dikongsi bersama di antara kerajaan dan syarikat perkhidmatan tenaga (ataupun kita panggil *energy service companies*, ESCO). Dengan ini, CAPEX syarikat

NO SOALAN: 72

swasta boleh dibayar balik, menjadikan projek-projek EPC *bankable* dan boleh mendapat *private financing* daripada bank swasta.

Pada masa yang sama, MESTECC dalam proses membangunkan rang undang-undang *Energy Efficiency Conservation Act* (EECA). Dalam hal ini, Mesyuarat bersama Pihak Berkepentingan telah diadakan pada 7 Oktober lepas dan draf Laporan Akhir dan draf Peraturan dijangka siap tidak lama lagi. Saya juga telah membuat satu taklimat bersama yb-yb untuk membincang tentang EECA. Draft rang undang-undang dijangka dikemukakan kepada pihak AGC pada bulan Disember 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan polisi GITA, GITE dan EPC yang telah diumumkan di belanjawan ini, perkembangan industri RE dan EE di Malaysia akan terus berkembang. Ini bukan sahaja boleh menurunkan pelepasan karbon negara kita tetapi pada masa yang membangun industri baru dengan menarik pelaburan dan mencipta peluang pekerjaan sektor hijau di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian dan Agensi Kerajaan juga telah mengenal pasti tindakan lain yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan (dalam tempoh RMK akan datang). Antara tindakan yang dicadangkan adalah meliputi semakan semula kerangka dasar perubahan iklim negara, menambah baik penyelarasan dan kerangka institusi pelaksanaan tindakan perubahan iklim, pelan adaptasi perubahan iklim jangka masa panjang, serta tindakan mitigasi perubahan iklim baru yang meliputi peningkatan sumber tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga.

NO SOALAN: 72

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah daerah termiskin dan kampung terpinggir dalam perhatian serius Kerajaan dan apakah fokus lebih bersasar untuk mengupayakan sektor ekonomi desa dan daerah terpinggir ini bagi tahun 2020-2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat 28 daerah yang mempunyai purata pendapatan isi rumah kasar bulanan di bawah RM4,000 yang melibatkan 5,035 kampung. 28 daerah tersebut meliputi negeri Kedah (2 daerah), Kelantan (7 daerah), Pahang (1 daerah), Sabah (5 daerah) dan Sarawak (13 daerah).

Cadangan penumpuan pembangunan di kampung-kampung di 28 daerah ini adalah selaras dengan hasrat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 untuk merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar serta meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Dalam hal ini, Kementerian telah dan akan mengadakan sesi libat urus dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Daerah dan agensi Kementerian berkaitan untuk mendapatkan input mengenai cadangan pembangunan bagi kampung-kampung di daerah tersebut, terutamanya berkaitan program-program ekonomi untuk meningkatkan pendapatan penduduk kampung tersebut. Ini adalah termasuk bagi program pembangunan ekonomi sedia ada seperti pembangunan usahawan termasuk dari pembiayaan, penyediaan premis perniagaan dan latihan keusahawan seperti di bawah MARA dan KEMAS, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). Input-input ini akan digunakan

NO SOALAN: 73

dalam perancangan Kementerian bagi Rancangan Malaysia Ke-12, untuk tempoh 2021-2025.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menghentikan perkhidmatan dua buah kapal selam TLDM yang berada di Pelabuhan Teluk Sepanggar Sabah dan adakah benar ianya memakan belanja begitu besar dan tidak dapat memberi sumbangan ke atas keselamatan perairan negara; dan
- (b) nyatakan jumlah perbelanjaan Kementerian untuk kos penyelenggaraan dan sebagainya bagi dua kapal selam itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan perkhidmatan kedua-dua buah kapal selam. Walaupun kos selenggaraannya adalah lebih tinggi berbanding aset-aset permukaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang lain, kapal selam telah banyak memberi manfaat dan sumbangan ke atas keselamatan perairan negara antaranya sebagai pencegah rintang (deterrence) di waktu perang dan juga sebagai platform pengumpulan maklumat diwaktu aman. Negara-negara serantau di ASEAN yang lain juga sedang giat memperkasakan armada mereka dengan kapal selam. Meneliti keadaan semasa di rantau ini, adalah tidak wajar untuk armada TLDM mundur ke belakang dengan menghentikan perkhidmatan aset cegah rintang negara.

Kos yang diperlukan untuk menyelenggara sebuah kapal selam milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) adalah berjumlah RM100 juta setahun. Kos adalah termasuk sokongan operasi dan penyelenggaraan limbungan kapal selam milik TLDM di Pangkalan TLDM Kota Kinablu, Sabah.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 75

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kolaborasi dan penyelarasan yang dilaksanakan oleh negara Malaysia dengan negara asal pekerja asing seperti Nepal dan Bangladesh setelah menandatangani pakatan tenaga kerja dengan negara Nepal pada tahun 2018 dan menggantung Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) bagi pekerja Bangladesh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan bentuk kolaborasi antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan negara sumber seperti Bangladesh dan Nepal, Kerajaan telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang merangkumi aspek berkaitan pengambilan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja.

2. MoU ini juga mengandungi kontrak perkhidmatan pekerja asing yang standard serta menggariskan tanggungjawab yang perlu digalas oleh pihak Kerajaan, majikan dan agensi pekerjaan swasta. Selain itu, *Joint Working Group* turut diwujudkan sebagai platform untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan MoU tersebut. Elemen-elemen ini akan memastikan proses penggajian pekerja asing berlandaskan kepada saluran yang telus, *transparent* serta mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah insentif dan program yang disediakan oleh Kerajaan terhadap seseorang mualaf termasuk Orang Asli dalam pemerkasaan orang yang baru mendekati Islam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sentiasa peka dan telah menyediakan pelbagai program untuk menjaga kebajikan para saudara baru. Sebagai pengukuhan dan memberi kefahaman Islam kepada golongan mualaf ini, Kerajaan dengan kerjasama Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri telah menyediakan kelas pengajian saudara baru pada setiap minggu kepada mereka. Selain itu pelbagai program latihan dan insentif kepada golongan mualaf/saudara baru ini juga disediakan . Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, mana-mana saudara baru yang mendaftarkan pengislaman mereka akan diberi insentif sebanyak RM500 sehingga RM1500.00 bergantung kepada had umur mereka .
2. Selain itu, mereka juga diberi bayaran elaun kehadiran Kelas pengajian Islam dengan kadar RM50.00 sehari . Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) juga turut mengadakan program ziarah dari semasa ke semasa serta menyediakan bantuan kecemasan tunai sebanyak RM50.00 sehingga RM250.00 kepada mualaf yang betul-betul memerlukan. Para mualaf yang berdaftar dengan JAWI juga turut dibawa berkursus jangka pendek dan dibayar elaun kehadiran sebanyak RM50.00/sehari atau pun RM100.00/sehari sekiranya bermalam dan diadakan di luar Wilayah. Bagi mualaf yang merupakan penerima bantuan baitulmal MAIWP, mereka turut

NO SOALAN: 76

menerima bantuan perubatan di Hospital Kuala Lumpur, di mana bil rawatan mereka sepenuhnya akan ditanggung oleh Baitulmal MAIWP.

3. Manakala bagi golongan saudara baru dari kalangan orang asli pula Kerajaan dengan kerjasama negeri-negeri telah menyediakan tenaga pengajar yang bertanggungjawab mengajar kelas-kelas pengajian fardu ain di perkampungan Orang Asli, khusus kepada yang baru memeluk Islam. Pelaksanaan kelas pengajian ini diadakan sekurang-kurangnya 2 kali seminggu dengan dibantu oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sebanyak 23,040 kelas pengajian fardu ain telah diadakan pada setiap tahun di 636 buah perkampungan Orang Asli.
4. Selain kelas pengajian fardu ain dan kelas pengajian saudara baru, JAKIM dan JAIN juga turut mengadakan kursus kemahiran seperti Amali Solat, Pengurusan Jenazah, Kemahiran Bacaan al-Quran dan sebagainya bagi memantapkan akidah saudara baru.
5. Kerajaan juga turut bekerjasama dengan Ngo seperti PERKIM dalam usaha memudahcara urusan pengislaman dan menjaga kebajikan saudara baru/mualaf.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan pengurusan universiti-universiti awam tidak terpengaruh dan terkawal oleh kuasa politik, dan sentiasa fokus dalam pembangunan akademik agar kewibawaan terjaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 20 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000, menetapkan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat di dalam Badan Berkanun Persekutuan tidak boleh mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti politik seperti membuat kenyataan awam berkaitan politik, menerbitkan atau mengedarkan bahan-bahan berkaitan politik, merayu undi bagi pihak ahli politik, menjadi ejen pilihanraya atau ejen tempat mengundi, serta memegang atau bertanding dalam apa-apa jawatan politik. Akta ini adalah juga terpakai kepada universiti awam yang merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan.

Larangan penglibatan dalam aktiviti politik ini bukan bermaksud mengekang atau menafikan hak sebagai rakyat Negara ini tetapi adalah bagi memastikan pegawai di Badan Berkanun mengamalkan prinsip 'neutrality' dan 'impartiality' di tempat kerja masing-masing sepertimana yang diamalkan dalam perkhidmatan awam yang lain. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengekalkan suasana yang harmoni di tempat kerja.

Pegawai di universiti awam sepertimana rakyat Malaysia yang lain adalah bebas untuk menyokong mana-mana parti atau ahli politik berdasarkan kebijaksanaan dan ideologi politik masing-masing tanpa menjejaskan kualiti dalam penyampaian perkhidmatan sebagai pegawai universiti awam.

NO SOALAN: 77

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH
TARIKH : 16 DISEMBER 2019

Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah manfaat yang bakal dinikmati pengguna berikutan penjualan Plus Highway dan adakah ia selari dengan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan.

NO SOALAN: 78

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya telah menerima beberapa tawaran daripada pihak swasta dan individu berkenaan cadangan pengambilalihan PLUS Malaysia Berhad (PLUS). Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi di peringkat penelitian dan semakan kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi dengan lebih terperinci sebelum sebarang keputusan dibuat.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Datuk John Ambrose minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Persekutuan telah mengambil kira pandangan dari pihak Kerajaan negeri Sabah, keperluan, keutamaan dan isu-isu pembangunan di Sabah dalam menyediakan Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyediaan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh 2021-2025 sedang dirangka dengan fokus kepada pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan saksama termasuklah aspek pembangunan wilayah yang seimbang. Ini bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada sesuatu wilayah atau negeri sahaja selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama.
2. Justeru itu, dalam merangka RMKe-12 Kementerian mengambil satu inisiatif mengadakan Sesi Libat Urus Penyediaan RMKe-12 bersama semua Kerajaan Negeri termasuk Sabah yang telah diadakan pada 26 Julai 2019.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah termasuklah berkaitan dengan keperluan, keutamaan dan isu-isu pembangunan diambilkira dalam mendasari penyediaan RMKe-12.
4. Kerajaan Persekutuan menerusi MEA mengambil maklum akan keperluan negeri Sabah dan akan meneliti semula keperluan tersebut dalam memberi keutamaan pelaksanaan projek dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

NO SOALAN: 79

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11 ini juga peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan telah diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuklah Sabah. Pada tahun 2019, iaitu di bawah *Rolling Plan 4 (2019)* RMKe-11, Sabah telah diperuntukkan masing-masing sejumlah RM5.012 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM54.70 bilion. Manakala di bawah *Rolling Plan 4 (2020)* yang merupakan tahun terakhir RMKe-11, Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM5.009 bilion daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan sebanyak RM56 bilion.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Lim Hui Ying minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini perancangan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (United Examination Certificate - UEC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Dasar *Unified Examination Certificate* (PPDUEC) telah melaksanakan proses libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek bagi memuktamadkan isu ini. Pasukan petugas ini telah menjalankan libat urus dengan pelbagai pihak termasuk 17 orang tokoh individu (bidang pendidikan, politik dan sosial), 27 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), lima (5) buah parti politik, dua belas (12) buah agensi kerajaan serta empat belas (14) institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memastikan maklum balas berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat menyeluruh.

Selain itu, sebanyak dua (2) siri *townhall* juga dengan pelibatan kumpulan anak muda dan belia bagi mendapatkan suara golongan muda mengenai isu ini. Ahli-ahli parlimen juga dijemput memberikan pandangan mereka berhubung isu pengiktirafan sijil UEC dalam satu program libat urus yang diadakan pada bulan Oktober lepas. Jumlah keseluruhan tokoh dan individu yang telah terlibat dalam memberikan pandangan dan sumbang saran ialah **406 orang**.

NO SOALAN: 80

PPDUEC kini dalam proses akhir memurnikan laporan kajian mengenai isu pengiktirafan Sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Laporan akan disusun bersama lampiran-lampiran termasuk transkrip setiap temubual yang telah dilakukan. Sehingga hari ini, PPDUEC telah berjaya menyiapkan transkripsi 44 sesi daripada 48 sesi rakaman yang ada. Transkrip setiap temubual adalah satu elemen penting dalam laporan tersebut demi berlaku adil kepada semua pihak yang telah mengemukakan pandangan. Oleh sebab itu, proses menyediakan transkrip ini dilakukan secara cermat dan berhati-hati agar transkrip yang dibuat adalah tepat.

Laporan lengkap PPDUEC ini akan diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk diteliti sebelum diangkat kepada Jemaah Menteri untuk sebarang keputusan muktamad.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Datuk Theodore Douglas Lind minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghapuskan hutang Negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan sebagai salah satu kaedah Negeri Sabah kaedah pembayaran kepada Negeri Sabah iaitu bayaran 40% daripada hasil Sabah seperti mana yang termaktub dalam jadual 10 Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, negeri Sabah merupakan penerima tertinggi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020 dengan peruntukan sebanyak RM5.2 bilion dan merupakan antara penerima tertinggi Pemberian Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 yang berjumlah RM1.14 bilion.

Sejak tahun 1963 sehingga kini Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan Pemberian Khas kepada Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan kadar yang diwartakan hasil semakan semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan (PP). Semakan semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D PP telah menggantikan peruntukan Jadual 10 PP.

Namun demikian, Kerajaan Persekutuan pada 10 Oktober 2019 telah mengemukakan cadangan amaun baharu Pemberian Khas untuk tempoh 5 tahun mulai tahun 2020 sehingga 2024, selaras dengan peruntukan Perkara 112D PP untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Sabah.

Kerajaan Negeri Sabah pada 18 Oktober 2019 telah mengemukakan persetujuan terhadap amaun baharu Pemberian Khas yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan sedang mengambil tindakan sewajarnya sebelum ia dapat diwartakan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.

NO SOALAN: 81

Setakat ini, Kerajaan Persekutuan tiada perancangan untuk penyelesaian hutang Kerajaan Negeri Sabah melalui pemotongan ke atas Pemberian Khas seperti di bawah Jadual 10 PP.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Puan Raj Munni binti Sabu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah terkini pemandu perkhidmatan seru pandu (e-hailing) dan berapa peratuskah penurunan yang telah berlaku selepas undang-undang baharu e-hailing dilaksanakan mulai 12 Julai 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, sehingga 30 November 2019 sebanyak 46 syarikat telah diluluskan permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan yang membolehkan syarikat-syarikat ini menjalankan perkhidmatan e-hailing di Semenanjung Malaysia. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah memproses dan meluluskan sebanyak 95,821 Permit Kenderaan e-hailing (eVP) dan pecahan pendaftaran adalah seperti berikut:

- a. Pendaftaran eVP teksi sebanyak 9,903; dan
- b. Pendaftaran eVP persendirian sebanyak 85,918.

2. Berdasarkan anggaran yang dikemukakan oleh syarikat pengantaraan e-hailing pada tahun 2018 sebelum undang-undang e-hailing berkuatkuasa, kira-kira seramai 300,000 orang pemandu pernah berdaftar dengan platform aplikasi perkhidmatan masing-masing. Walau bagaimanapun, bilangan pemandu yang dilaporkan tersebut melibatkan pertindihan antara syarikat-syarikat. Tambahan pula, hanya sebahagian daripada pemandu-pemandu yang berdaftar adalah bertatus aktif.

3. Setelah undang-undang berkuatkuasa mulai 12 Julai 2019 terdapat sedikit penurunan dari segi jumlah pemandu kerana sebahagian pemandu separa masa (*part-time*) merasa tidak berbaloi untuk mendapatkan lesen PSV dan melalui proses yang dikehendaki untuk menjadi pemandu e-hailing yang sah.

NO SOALAN: 82

4. Pihak APAD percaya penurunan yang berlaku hanyalah bersifat sementara memandangkan penguatkuasaan kawal selia e-hailing baru dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019. Masih terdapat ramai pemandu e-hailing sedang melengkapkan diri dengan keperluan peraturan berkenaan dan pihak APAD masih menerima permohonan pendaftaran eVP sehingga ke hari ini. Jangkaan jumlah pendaftaran eVP akan terus meningkat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) adakah skim pencen semasa mampan (sustainable) dalam jangka masa panjang; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia menanggung beban besar ini dan jika sukar, apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi beban fiskal negara.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemberian faedah persaraan kepada pesara Kerajaan adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan ke atas sumbangan dan jasa penjawat awam sepanjang perkhidmatan mereka dalam perkhidmatan awam.
2. Jumlah pembiayaan faedah persaraan telah meningkat dari RM5.86 bilion pada tahun 2006 kepada RM23.87 bilion pada tahun 2018. Jumlah ini dijangka akan meningkat setiap tahun. Kerajaan sedar, kemampuan Kerajaan untuk membiayai faedah persaraan adalah bergantung kepada sumber pendapatan Kerajaan.
3. Untuk menangani isu ini, Kerajaan sedang mengkaji beberapa mekanisme baharu. Di mana, mekanisma baharu tersebut diharap tidak membebankan Kerajaan dan pada masa yang sama, penjawat awam tidak rugi selepas mereka menamatkan perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jumlah terkini penglibatan rakyat dalam e-sport dan usaha-usaha Kementerian memastikan keseimbangan dalam pembangunan sukan untuk memastikan kesihatan dan nilai moral khususnya dalam kalangan belia dapat diterap serta dipertingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2018 (IBSM'18) yang telah dilaksanakan oleh IYRES, terdapat elemen yang mengukur penglibatan rakyat Malaysia dalam e-sport. Hasil kajian mendapati, daripada keseluruhan 8,007 orang responden, seramai 1,191 orang (14.87%) adalah terlibat dalam e-sport dengan kekerapan dan tempoh masa seperti berikut:

KEKERAPAN	PERATUS
Setiap hari	35.9%
3 – 4 kali seminggu	23%
2 kali seminggu	12.3%
1 kali seminggu	11.6%
5 – 6 kali seminggu	9.0%
Sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	8.3%
TEMPOH MASA	PERATUS
Kurang dari 30 minit	50.5%
Lebih dari 30 minit	49.5%

2. Kementerian kini sedang melaksanakan program E-sports @ IPT. Bengkel E-Skill ini mempunyai tiga elemen dalam bengkel iaitu kemahiran Streaming, perkongsian E-sports Medica dan pelaksanaan Mini Tournament. Program ini dilaksanakan di tiga (3) zon iaitu di Zon

NO SOALAN: 84

Selatan bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Melaka pada 23 – 24 November 2019, Zon Utara di UiTM Caw. Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh pada 30 November 2019 – 1 Disember 2019 dan Zon Timur bertempat di Universiti Malaysia Terengganu pada 6 – 7 Disember 2019. Sasaran peserta adalah pelajar IPT dan terbuka kepada orang awam.

3. Bagi memastikan keseimbangan kesihatan di kalangan peminat E-Sports, Kementerian Belia dan Sukan bersama Pasukan E-Sports Medica mempromosikan *healthy gaming* dalam Bengkel E-Skill 2019. E-Sports Medica diketuai oleh Dr. Zatul-Iffah Binti Abu Hasan, Pensyarah Fakulti Sains dan Perubatan USIM dan dibantu oleh beberapa orang pakar perubatan dengan kepakaran dalam kesihatan mata, otak, tulang dan telinga.
4. Universiti Islam Sains Malaysia telah mengambil inisiatif menjalankan kajian mengenai masalah ketagihan di kalangan pemain E-Sports. Mereka menamakan projek kajian ini 'E-Sports Medica' di mana ia merupakan gabungan tiga elemen iaitu 'Esports', 'Medical' dan 'Academic'. Dalam Bengkel E-Skill 2019 ini pasukan e-medica memberi perkongsian dan garis panduan kepada peserta yang terdiri daripada belia di institut pengajian tinggi akan kaedah bermain sukan elektronik secara sihat dan secara tidak langsung peserta dijadikan duta kecil kempen *healthy gaming* dalam usaha membendung ketagihan dalam permainan video di kalangan belia.

NO SOALAN: 84

5. Selain itu, KBS juga telah membentangkan Pelan Strategik Pembangunan E-Sports pada 21 November 2019 di Universiti Malaya. Antara 5 strategi keutamaan adalah *towards resposible gaming and esports ethics* yang memfokuskan ke arah kempen *healthy gaming*. Di dalam strategi ini, golongan ibu bapa dan belia diberi pengetahuan tentang mengenal pasti simptom ketagihan dan bagaimana untuk mengawal tabiat tersebut sebelum ia menular menjadi ketagihan yang tidak dapat dibendung. Pemilik pusat siber juga akan diberikan garis panduan dalam mengekang pemain yang bermain secara berlebihan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG
TARIKH : 17 DISEMBER 2019**

Tuan Adrian Banie Lasimbang minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah rancangan Malaysia untuk memeterai konvensyen ILO yang merupakan salah satu konvensyen PBB yang penting dalam memberikan perlindungan hak kepada golongan pekerja dan golongan "Vulnerable" atau berisiko tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah negara anggota dalam *International Labour Organization* (ILO), Kerajaan sentiasa memastikan amalan perburuhan di Malaysia adalah selari dengan piawaian perburuhan antarabangsa. Perkara ini dilakukan melalui penerimaan *Conventions* dan *Recommendations* yang dirujuk sebagai *International Labour Standards*. Malaysia telah pun meratifikasi lima daripada lapan konvensyen teras ILO, dua daripada empat konvensyen tadbir urus serta 20 daripada 178 konvensyen teknikal bertujuan untuk memastikan hak dan kebajikan pekerja di dalam negara terpelihara. Konvensyen terakhir yang ditandatangani Malaysia adalah Konvensyen ILO 131 berkaitan gaji minimum pada tahun 2016. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, dunia perburuhan merupakan satu persekitaran yang dinamik dan Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia sentiasa memastikan hak-hak pekerja terpelihara termasuklah persekitaran kerja yang kondusif dan selamat untuk semua para pekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Bagi meratifikasi sesuatu konvensyen, setiap artikel yang terkandung dalam konvensyen tersebut perlu dipatuhi sepenuhnya bagi mengelakkan teguran daripada ILO. Selain itu, sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan perlu dilakukan terlebih dahulu bagi memperhalusi dan mengkaji kesediaan negara untuk meratifikasi sesuatu konvensyen. Konvensyen yang telah diratifikasi oleh Kerajaan terutamanya konvensyen

NO SOALAN: 85

teras ILO telah menggariskan tanggungjawab negara anggota bagi memastikan hak-hak asas pekerja terbela dari segi kebebasan berpersatuan dan perjanjian kolektif, buruh paksa dan buruh kanak-kanak serta diskriminasi dari segi perburuhan dan pekerjaan.

3. Dalam masa yang sama, Kerajaan sedar dan prihatin akan cabaran yang dihadapi oleh golongan rentan dan berisiko tinggi dalam dunia pekerjaan yang kini sedang berada dalam anjakan paradigma ke arah Revolusi Industri 4.0. Justeru, Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk meratifikasi beberapa konvensyen ILO dalam usaha untuk memberi perlindungan secara komprehensif kepada semua golongan pekerja termasuklah golongan rentan dan berisiko tinggi. Antara konvensyen yang dicadang untuk diratifikasi oleh Kerajaan termasuklah Konvensyen 142 berhubung *human resources development*, Konvensyen 188 berhubung *work in fishing*, Konvensyen 190 berhubung *violence and harrassment* dan juga Protokol 29 berhubung buruh paksa. Ratifikasi konvensyen ini merupakan cerminan komitmen Kerajaan dalam memastikan hak semua golongan pekerja dapat dilindungi.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN
MUSTAFA
TARIKH : 17 DISEMBER 2019

Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan pengajian KAFA dapat diteruskan ke peringkat sekolah menengah bagi tujuan pengukuhan pendidikan Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelaksanaan KAFA adalah berkonsepkan program pengukuhan pendidikan agama Islam peringkat rendah bagi kanak-kanak Islam yang berumur 7 hingga 12 tahun dengan memberi penekanan kepada asas-asas fardhu ain, kemahiran membaca al-Quran dan amali, di samping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan jawi. Pada masa ini terdapat seramai 999,191 orang murid KAFA dengan 33,200 guru di seluruh negara.
2. Sebagai usaha meneruskan pelaksanaan KAFA ke peringkat menengah, mulai tahun 2019 Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membangunkan modul-modul pengukuhan kefahaman Islam kepada remaja peringkat menengah dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun. Modul ini dinamakan sebagai program MyInsaniah yang diadakan pada hujung minggu sebagai kursus jangka pendek bagi mencapai matlamat pengukuhan ajaran Islam termasuk jati diri sebagai warga negara. Penyediaan modul dan pelaksanaan program Myinsaniah dilaksanakan secara kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan agensi-agensi lain yang terlibat.

Sekian, terima kasih.